

**INTEGRITI GURU DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH (PBS) DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR KULAIJAYA.**

NOOR SU` ADAH BT MOHD NAWAWI

**Teks ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
Syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan
(Kurikulum dan Pengajaran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JANUARI 2014

**INTEGRITI GURU DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH (PBS) DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR KULAIJAYA.**

NOOR SU` ADAH BT MOHD NAWAWI

**Teks ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
Syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan
(Kurikulum dan Pengajaran)**

Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2014

DEDIKASI

Dengan penuh kesyukuran terhadap Allah Taala
Terhadap insan – insan yang tidak jemu memberi sokongan dan dorongan
khusus

Buat bonda, Hjh Hendon binti Hj Harun dan ayahanda, Hj Mohd Nawawi bin Hj.

Ahmad yang disanjung serta dikasihi
segala dorongan, pengorbanan dan doa yang mengiring setiap langkah dan detik
perjalanan hidup anakandamu ini , tidak termampu diungkap dengan kata – kata.

Hanya Allah sahaja yang maha mengetahui dan membalasnya serta
maafkanlah segala kesilapan yang anakanda lakukan.

Buat suami tercinta , Amri bin Ismail

Serta puteraku

Muhammad Aqil Danish

Yang senantiasa memahami situasi dan tanggungjawab serta mendorong dengan sabar
dan memberi kerjasama sepanjang tempoh pengajian dan hari – hari sebelumnya.
Sesungguhnya ini adalah hadiah dan motivasi untuk kalian bagi mencipta kejayaan yang
lebih cemerlang dan gemilang. Insyaa-Allah.

Terima Kasih tidak terhingga.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah dipanjatkan kehadiranNya kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat penulis menyempurnakan kajian ini. Mudah – mudahan rahmat Allah akan terus memayungi hidup ini. Insya-Allah.

Ucapan penghargaan tidak terhingga dan jutaan terima kasih kepada Dr Sanitah binti Mohd Yusof selaku penyelia kajian. Beliau telah banyak memberikan dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan galakan dalam menghasilkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua penarah Universiti Teknologi Malaysia yang mengajar dengan dedikasi dan ikhlas khususnya penarah – penarah Kurikulum dan Pengajaran (Prof. Dr Zaitun bt Sidin, Prof Madya Dr Abd. Rahim b. Hamdan dan Dr Johari b. Sihes).

Seterusnya rakaman terima kasih kepada semua rakan guru yang terlibat dengan kajian ini kerana memberikan kerjasama yang erat demi menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan iaitu Zalinah bt Mohamed, Rosni bt Raso, Hasan b. Kosnan, dan Salmezi b. Mohamed. Mengenali kaliah adalah anugerah yang tidak terhingga. Hanya Allah yang mampu membalas setiap kebaikan yang diberi dan semoga mendapat rahmat dan perlindungan Allah selalu. Insya-Allah.

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap integriti guru yang melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kajian ini dijalankan berdasarkan lima persoalan iaitu untuk mengenalpasti tahap integriti guru di Sekolah Kebangsaan, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, masalah yang dihadapi, mengenalpasti tahap integriti berdasarkan jenis sekolah, dan mengenal pasti apakah usaha bagi meningkatkan integriti guru dalam penilaian berasaskan sekolah. Persampelan di ambil daripada 4 buah sekolah dari Zon Utara daerah Kulaijaya. Seramai 60 orang guru terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian diperolehi melalui soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Data di analisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0*. Hasil kajian menunjukkan bahawa integriti guru-guru yang menjalankan penilaian pelajar berdasarkan KSSR berada pada tahap tinggi dengan min Sekolah Kebangsaan 4.17 dan min 4.20 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Dapatan juga menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru dalam pentaksiran KSSR pada min 4.16 bagi SK dan min 4.19 bagi SJKC di mana SJKC mempunyai nilai min yang tinggi sedikit berbanding SK. Ujian-t menunjukkan bahawa tidak perbezaan tahap integriti yang ketara di antara Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Akhir sekali penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk guru, pihak sekolah, pembina polisi dan juga pengkaji-pengkaji pada masa akan datang bagi memantapkan pelaksanaan KSSR.

ABSTRACT

This survey research was carried out to identify the level integrity among the teachers who implement Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) based on Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). This Study was conducted due to five issues. The first issue was identifying the level of the teachers integrity in Sekolah Kebangsaan (SK) and Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). The second issues was the problem they are facing implementing Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). The third issue was identifying the level of integrity based on the type of schools and the last issue to be resolved was how to increase the level of the teachers integrity in PBS. Four schools from Northern zone of Kulaijaya district had been chosen as sampling schools for this purpose. Around 60 teachers were involved in this survey. The findings were taken from the questionnaire built by the researcher. *Statiscal Package for Social Science (SPSS) version 17.0* was used to analyse the data. The survey showed that the level of integrity among the teachers who implement PBS based on KSSR was high with SK schools showing 4.17 mean and SJKC schools showing 4.20 mean. The survey also show the problems faced by teachers in the assessment of KSSR is a t mean 4.16 for SK and 4.19 for SJKC, and SJKC recorded a slightly higher mean value than SK. T-test did not much show much difference on the integrity level of SK and SJKC Schools. Lastly, the researchers raised a few proposals for the teachers, school management, policy builder and researchers in the near future to strengthen the implementation of KSSR.

KANDUNGAN

BAB	PERRKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGAKUAN	
	HALAMAN DEDIKASI	
	HALAMAN PENGHARGAAN	
	ABSTRAK	
	ABSTRACT	
	KANDUNGAN	
	SENARAI JADUAL	
	SENARAI LAMPIRAN	
	SENARAI SINGKATAN	
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	8
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	9
	1.6 Rasional Kajian	10
	1.7 Skop Dan Batasan Kajian	11
	1.8 Definisi Operasional	12
	1.8.1 Pengkaji	12
	1.8.2 Responden	12
	1.8.3 Integriti	13

1.8.4	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	13
1.8.5	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	14
1.8.6	Guru	14
1.8.7.	Sekolah Kebangsaan	15
1.8.8	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	15
1.9	Kesimpulan	15

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	17
2.1	Integriti	20
2.2	Ciri – ciri Guru Yang Berkesan	25
2.2.1	Guru Berkesan	25
2.2.2	Guru Dan Keguruan	26
2.2.3	Tanggungjawab Terhadap Pelajar	28
2.2.4	Tanggungjawab Terhadap Rakan Sejawat Dan Profesion Perguruan	28
2.2.5	Tanggungjawab Terhadap Masyarakat Dan Negara	29
2.2.6	Tanggungjawab terhadap Ibu Bapa	29
2.3	Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)	30
2.4	Kajian Berkaitan KSSR	32
2.5	Kesimpulan Sorotan Literatur	34

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	36
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	37
3.1.1	:Rajah Prosedur Kajian Yang Digunakan Oleh Penyelidik	38
3.2	Lokasi Penyelidikan	39
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	39
3.4	Pembahagian Lokasi dan Sampel Kajian	40
3.4.1	Jadual Senarai Sekolah Luar Bandar Zon Utara Kulaijaya	40
3.4.2	Jadual Senarai Sekolah Terlibat dan Bilangan Guru	41
3.5	Instrumentasi	42
3.5.1	:Jadual Pembahagian Item Soal Selidik	42
3.5.1.1	Pembahagian Item Soal Selidik	42
3.5.2	Bahagian A	43
3.5.3	Bahagian B	43
3.6	Pengesahan Konstruk	44
3.6.1	: Jadual Pengesahan Konstruk Bagi Soalan Bahagian B Soal Selidik	44
3.7	Kajian Rintis	47
3.8	Prosedur Pemerolehan Data	47
3.9	Analisis Data	47
3.10	Kaedah Analisis Data	49
3.11	Penutup	50

BAB 4 KEPUTUSAN/DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	51
-----	-------------	----

4.1	Latar Belakang Responden	52
4.1.1	Jadual Taburan Kekerapan Bagi Pembolehubah	52
4.2	Analisa Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Kebangsaan	54
4.2.1	Jadual Tahap Integriti Guru SK	54
4.3	Analisa Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	57
4.3.1	Jadual Tahap Integriti Guru SJKC	57
4.4	Analisa Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	60
4.4.1	Jadual Perbandingan Tahap Integriti Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	60
4.4.2	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK) Berdasarkan 10 Min Tertinggi.	61
4.4.3	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK) Berdasarkan 10 Min Terendah.	63
4.4.4	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah SJKC Berdasarkan 10 Min Tertinggi.	66
4.4.5	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah SJKC Berdasarkan 10 Min Terendah.	68
4.5	Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran KSSR Di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah	

	Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	71
	4.5.1 Jadual Perbandingan Item Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran KSSR Di Sekolah Kebangsaan(SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	72
4.6	Analisa Usaha Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Guru	74
	4.6.1 Jadual Usaha Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Guru	74
4.7	Perbezaan Tahap Integriti Guru Di Sekolah Kebangsaan Dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.	75
	4.7.1 Jadual Independent-group t-test untuk jenis sekolah dan tahap integriti	76
4.8	Penutup	77

BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	78
5.1	Perbincangan	79
5.2	Perbincangan Dapatan Bahagian A	80
	5.2.1 Perbandingan bagi Jantina, Jawatan, Taraf Pendidikan dan Pengalaman Mengajar	82
5.3	Perbincangan Dapatan Bahagian B	83
5.4	Perbincangan Persoalan pertama	86

5.5	Perbincangan Persoalan Kedua	87
5.6	Perbincangan Persoalan Ketiga	87
5.7	Perbincangan Persoalan Keempat	88
5.8	Perbincangan Persoalan Kelima	90
5.9	Rumusan Dapatan	90
	5.9.1 Guru – guru telah didedahkan tentang PBS	91
	5.9.2 Pengisian Intergriti	91
	5.9.3 Pendedahan Sistem Online	92
5.10	Cadangan	93
	5.10.1 Cadangan Kepada Pembina Polisi	93
	5.10.2 Cadangan Kepada Guru Yang Terlibat Dengan KSSR.	94
	5.8.3 Cadangan Kepada Pihak Sekolah	95
5.11	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.12	Kesimpulan	96

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI SINGKATAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK
3.4.1	Jadual Senarai Sekolah Luar Bandar Zon Utara Kulaijaya
3.4.2	Jadual Senarai Sekolah Terlibat dan Bilangan Guru
3.5.1.1	Pembahagian Item Soal Selidik
3.6.1	Jadual Pengesahan Konstruk Bagi Soalan Bahagian B Soal Selidik.
3.10	Kaedah Analisis Data
4.1.1	Jadual Taburan Kekerapan Bagi Pemboleh ubah
4.2.1	Jadual Tahap Integriti Guru SK
4.3.1	Jadual Tahap Integriti SJKC
4.4.1	Jadual Perbandingan Tahap Integriti Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)
4.4.2	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK) Berdasarkan 10 Min Tertinggi.
4.4.3	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK) Berdasarkan 10 Min Terendah.
4.4.4	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SJKC) Berdasarkan 10 Min Tertinggi.
4.4.5	Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SJKC) Berdasarkan 10 Min Terendah.
4.5.1	Jadual Perbandingan Item Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran KSSR di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

- 4.6.1 Jadual Usaha Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Guru.
- 4.7.1 Jadual Independent-group t-test Untuk Jenis Sekolah dan Tahap Integriti

NO. RAJAH	TAJUK
3.1.1	Prosedur Kajian Yang Digunakan Oleh Penyelidik

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Surat Kebenaran EPRD
C	Surat Kebenaran Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
D	Analisa Persoalan Pertama, Kedua , Ketiga dan Keempat Dengan SPSS

CXC	Examination Council
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HKEAA	Hong Kong Examination and Assessment Authority
IIM	Institut Integriti Malaysia
InTI	Inventori Nilai Integriti
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTMa	Institut Pengajian Tinggi Malaysia
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SGM	Standard Guru Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
TQM	Pengurusan Kualiti Menyeluruh

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dunia pendidikan hari ini tidak terkecuali daripada menerima kesan gelombang era globalisasi dunia tanpa sempadan. Ledakan kemajuan bidang sains, teknologi, komunikasi, dan maklumat yang begitu pesat menuntut generasi yang mampu berdaya saing. Justeru, kerajaan sedar tentang keperluan itu dan berusaha untuk menghasilkan modal insan yang holistik serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang diinginkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem lama negara kita memperlihatkan sistem yang berorientasikan peperiksaan dan tidak melihat kebolehan pencapaian setiap murid ini bermakna sistem sedemikian sudah tidak relevan lagi dengan cabaran masa kini dalam menghasilkan modal insan yang bersesuaian dengan kehendak negara. Bagi mencapai segala kehendak itu guru yang berintegriti sangat perlu sebagai pelaksana. Usaha gerakan integriti di negara kita dimulakan secara holistik pada 2004 dengan tertubuhnya Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM). Pengubalan PIN dan penubuhan IIM adalah satu usaha penting bagi mengembeleng jentera kerajaan, swasta, dan segenap masyarakat dalam menerapkan nilai kehidupan yang murni dan mulia.

Guru yang berintegriti akan melaksanakan tugasnya dengan amanah, kejujuran, keikhlasan dan penuh kasih sayang kepada murid. Selain itu, guru yang berintegriti juga mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dalam menyelesaikan masalah pelajar. Dari segi P & P guru yang berintegriti bertanggungjawab untuk memberi yang terbaik kepada pelajarnya. Guru yang berintegriti juga bertanggungjawab melaksanakan tugas secara ikhlas demi melahirkan modal insan kelas pertama. Hasilnya tentu murid terbaik dapat dihasilkan setelah meneladani tingkah laku guru yang berkualiti.

1.1 Latar Belakang Masalah

Profesion perguruan adalah antara profesion yang tertua di dunia dan pernah memainkan peranan meniupkan semangat nasionalisme. Ia berkembang seiring dengan perkembangan masyarakat. Seiring dengan kemajuan zaman sistem pendidikan terus mengalami perubahan. Namun begitu, dengan peredaran masa kerjaya guru ada masanya tidak lagi dipandang tinggi dalam masyarakat kerana ianya dilihat tidak dapat memenuhi harapan masyarakat. Guru sering diberikan tanggungjawab yang berat dalam usaha mendidik anak bangsa kerana melalui pendidikan usaha memindahkan pengetahuan berlangsung dan dalam usaha itu guru yang berintegriti amat diperlukan kerana ia menentukan kesinambungan negara bangsa yang berkualiti untuk bangsa, agama, dan negara dan mencapai matlamat Wawasan 2020 serta membentuk generasi minda kelas pertama

Pentaksiran dalam pendidikan di Malaysia adalah satu proses bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan individu serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P & P) dalam pembangunan dan pembentukan modal insan. Pentaksiran berkualiti meliputi beberapa aspek iaitu bersesuaian dengan tujuan, meningkatkan amalan P & P, telus, efisien dan diyakini ramai. Namun guru lebih memberi penekanan kepada Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berbanding dengan keperluan menambahkan pengetahuan pelajar dalam sesuatu

perkara dan kecenderungan guru lebih untuk menyiapkan fail pentaksiran dan fail evidens.

Dewasa ini kita melihat di dada-dada akhbar sering menunjukkan guru mengalami tekanan yang tinggi dalam kerjaya. Kebenarannya, banyak bergantung kepada individu. Tahap profesionalisme dan integriti guru hanya dapat dimaksimumkan melalui minimumnya stress kerja dalam profesion perguruan

Menurut sumber Kementerian Pendidikan Malaysia (2006) teras dalam membangunkan modal insan adalah menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan tenaga kerja negara maju. Dalam bidang pendidikan, sasarannya bukan sahaja kumpulan pelajar tetapi termasuk para guru dan untuk mencapai hasrat itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah menghasilkan mekanisme khas dikenali sebagai Standard Guru Malaysia (SGM) yang menjadi rujukan dan panduan piawaian kualiti guru. SGM mengandungi dua komponen khusus iaitu standard dan keperluan. Komponen standard membabitkan tiga aspek iaitu (i) amalan nilai profesionalisme guru, (ii) pengetahuan dan kefahaman dan (iii) kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Komponen keperluan pula menfokus kepada latihan meliputi kelayakan memasuki program, pentaksiran dan penilaian, kolaborasi, infrastruktur dan infostruktur. Jelas sekali pelbagai usaha dirancang dan sedang dilaksanakan oleh KPM untuk membina modal insan guru berkualiti dengan hasrat ilmu dan kemahiran yang dimiliki supaya mampu menjana masyarakat yang bertamadun dan berilmu. Demi kecemerlangan sistem pendidikan di negara Malaysia tercinta, para guru harus menjadikan kualiti dan kecemerlangan sebagai budaya dan identiti profesion keguruan Negara dan sejajar dengan matlamat tersebut maka nilai integriti seharusnya menjadi amalan setiap guru.

Menyentuh tentang integriti di Malaysia, nilai integriti memang telah sedia ada dalam semua jabatan bagi perkhidmatan awam Malaysia dan ia menjadi teras

yang penting bagi meningkatkan tahap kualiti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Keprofesionalan yang tinggi melambangkan nilai integriti yang tinggi dalam melaksanakan pekerjaannya yang merangkumi beberapa ciri atau elemen sehingga boleh dinamakan dengan profesionalisme. Profesionalisme adalah elemen yang penting dalam menggerakkan pengurusan perkhidmatan sektor awam dan swasta di Malaysia. Dekad mutakhir ini menyaksikan tren yang menuntut kecekapan dan efektif untuk memuaskan kehendak semua pihak. Menurut Mardzelah Makhsin dalam "*Sains Pemikiran dan Etika*", nilai-nilai murni merujuk ciri-ciri yang baik pada diri seperti sayang, baik hati dan kejujuran. Kesemua ciri – ciri ini adalah nilai dalam integriti dan nilai integriti ini jugalah yang akhirnya membentuk profesionalisme seorang pendidik.

Jamiah et. al. (2005) telah membangunkan Inventori Nilai Integriti (InTI) yang bersesuaian dengan konteks Malaysia untuk mengukur integriti individu. InTI terdiri daripada 82 item berteraskan tiga dimensi utama iaitu kesucian, amanah dan kebijaksanaan. Ia ditadbir ke atas 2530 orang staf yang terdiri daripada pelbagai kategori perjawatan di sebuah universiti awam. Kajian mendapati, nilai integriti mempunyai hubungan signifikan dengan staf yang pernah menerima anugerah di peringkat universiti, kebangsaan dan kebangsaan. Hasil kajiannya juga membuktikan bahawa Inventori Nilai Integriti (InTI) mempunyai item yang baik dan bermutu serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Selain itu, Mohamed Sani (2007) juga telah menjalankan satu kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti sama ada integriti kepimpinan, pembentukan visi, misi dan matlamat serta pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dimensi kemajuan menyumbang kepada pembentukan iklim proses organisasi. Sampel kajian terdiri daripada responden seramai 698 orang dari Institut Pengajian Tinggi Malaysia (IPTMa) awam dan 581 orang dari IPTMa swasta yang dipilih secara rawak berstrata dari 19 buah IPTMa awam dan 16 buah IPTMa swasta di seluruh Malaysia. Data kajian diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang dibina dan diubahsuai daripada beberapa instrumen yang terdahulu. Dapatan kajian

mendapati bahawa komponen pelaksanaan TQM dimensi kemanusiaan adalah penyumbang tertinggi iaitu 12% terhadap iklim proses organisasi di samping komponen integriti kepimpinan (3.3%) dan pembentukan visi, misi dan matlamat berasaskan nilai (0.8%). Implikasi kajian ini menunjukkan IPTMa memerlukan kepimpinan yang berintegriti dan penerapan integriti sebagai penjana pelaksanaan TQM seterusnya membawa kepada proses pembentukan iklim organisasi yang berkualiti secara menyeluruh.

Selain itu, kajian oleh Angku Bolkhizan (2009) yang mengkaji kesan kefahaman integriti terhadap kualiti kerja anggota mendapati majoriti pemberi maklumat memahami maksud sebenar integriti dan telah menghayatinya dengan mengamalkan setiap nilai dan etika yang terkandung dalam integriti. Ini disebabkan penglibatan mereka dalam aktiviti keagamaan dan bengkel pementapan integriti yang dianjurkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Institut Pendidikan Guru (IPG) ditubuhkan sebagai institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan. Ia mempunyai budaya tersendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Tanggungjawab IPG adalah untuk melahirkan insan guru yang mempunyai integriti dan kredibiliti yang boleh diteladani. Guru pelatih akan dilatih agar mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi, beradab, beramal, dan boleh menjadi contoh teladan kepada para pelajarannya. Sehubungan dengan itu, terdapat tujuh dimensi budaya IPG yang dibina dan dibentuk untuk melahirkan guru yang berketerampilan dan berkualiti, iaitu: ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat, dan estetika (KPM, 2006).

1.2 Pernyataan Masalah

PBS merupakan satu usaha untuk membangunkan modal insan secara holistik melalui penekanan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika serta moral yang tinggi seperti tercatat di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Pelan Integriti Nasional (PIN) dan seperti yang dihasratkan dalam Misi Nasional (Lembaga Peperiksaan, 2011).

Menurut Zulhelmi Zulkpli dalam “*Perbandingan bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan sedang dijalankan di Malaysia bagi subjek Matematik dengan Negara Hong Kong dan Caribbean*”, Hong Kong terkenal dengan budaya yang mendominasi sistem peperiksaan, iaitu pentaksiran yang banyak bergantung kepada peperiksaan awam. Penggunaan PBS di Hong Kong ini telah digunakan sedekad yang lalu di mana perubahan satu reformasi daripada peperiksaan awam telah menjadi kepada manifestasi dalam pentaksiran untuk pembelajaran. Sistem PBS di Hong Kong telah mengubah secara berperingkat dari sistem berpusatkan peperiksaan kepada satu peningkatan yang berasaskan pentaksiran sekolah iaitu Pentaksiran bersifat formatif hasil daripada kolaborasi dengan para pendidik dari Australia, United Kingdom dan Negara-negara yang lain. *Hong Kong Examinations and Assessment Authority (HKEAA)* telah menetapkan kedua-dua pentaksiran luaran dan berasaskan sekolah sebagai pentaksiran akhir persekolahan. Hal yang sama turut dilaksanakan di Caribbean, Amerika Latin merupakan salah satu negara tidak terkecuali dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bermula pada tahun 2013 terhadap semua subjek di peringkat Sekolah menengah, diploma dan ijazah yang dilaksanakan sepenuhnya oleh *Caribbean Examination Council (CXC)*. Penilaian Berasaskan Sekolah merupakan sebahagian daripada pentaksiran calon dalam kursus meliputi sukatan pelajaran. Ia bertujuan untuk menilai pengetahuan tertentu, kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan mata pelajaran dan tidak mudah dinilai dalam peperiksaan luar. Aktiviti-aktiviti yang dibina di bawah PBS dikaitkan dengan sukatan pelajaran dan harus menjadi sebahagian daripada aktiviti pembelajaran untuk membolehkan calon untuk mencapai objektif sukatan pelajaran. Sepanjang pengajian bagi semua matapelajaran, pelajar akan diberi markah oleh guru untuk pengetahuan tertentu, kemahiran dan sikap menunjukkan pelajar menjalankan

tugas Sekolah PBS. Tanda-tanda ini menyumbang kepada markah dan gred muktamad yang diberikan kepada pelajar untuk prestasi dalam peperiksaan.

Pada tahun 2011 dunia pendidikan negara menyaksikan terlaksananya PBS untuk murid tahun 1 dan tingkatan 1. Pelaksanaan PBS masih terlalu awal untuk dinilai. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menjelaskan bahawa cabaran terbesar yang dihadapi oleh KPM dalam dekad ini adalah untuk mengurangkan pembelajaran yang berorientasikan jenis peperiksaan di sekolah namun melaksanakannya bukanlah sesuatu perkara yang mudah.

Memandangkan PBS dikendalikan oleh guru di sekolah, maka aspek kualiti sangatlah dititikberatkan. Stiggins dan Bridgeford (1985) menyatakan bahawa masih wujud masalah dalam mengawal kualiti pentaksiran yang berasaskan pemerhatian dan penilaian. Seorang guru perlu menjalankan pentaksiran dengan telus dan amalan integriti perlu sedia ada dalam kalangan guru walaupun kemungkinan pelbagai masalah yang terpaksa dilalui dalam melaksanakan PBS seperti capaian akses yang sangat lemah dan kelewatan pangkalan data yang menuntut kesabaran yang tinggi. Penyediaan instrumen pentaksiran yang terlalu banyak boleh menambah beban sedia ada guru malah terdapat juga kekurangan infrastruktur di kawasan pendalaman yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran seperti ketiadaan mesin cetak, fail dan komputer.

Masalah integriti ini juga boleh disebabkan beban tugas guru di sekolah yang telah dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran dan kokurikulum. Ini menyebabkan integriti dalam melaksanakan PBS hanya sebagai satu produk dan bukan proses yang wajib dan berterusan ditambah lagi kekangan masa yang menjadikan pelaksanaannya kurang kreatif.

1.3 Objektif Kajian

Melalui kajian ini saya dapat:

- i. Mengenalpasti tahap integriti guru dalam penilaian berasaskan KSSR di Sekolah Kebangsaan.
- ii. Mengenalpasti tahap integriti guru dalam penilaian berasaskan KSSR di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
- iii. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap integriti guru antara Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- iv. Mengenalpasti masalah yang dihadapi guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- v. Mengenalpasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian berasaskan sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba untuk menjawab soalan-soalan integriti guru dari sudut:

- i. Apakah tahap integriti guru yang menjalankan PBS KSSR di Sekolah Kebangsaan.
- ii. Apakah tahap integriti guru yang menjalankan PBS KSSR di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- iii. Apakah terdapat perbezaan tahap integriti guru di sekolah kebangsaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- vi. Apakah masalah yang dihadapi guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- iv. Apakah usaha untuk meningkatkan integriti dalam proses penilaian murid berdasarkan KSSR di sekolah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan guru dan memberi sumbangan dalam sistem pendidikan negara kita. Kajian ini juga diharap dapat memperbaiki tahap pentaksiran yang lebih baik dalam membantu murid mencapai band yang dikehendaki. Menurut R.M Gagne : *The Condition of Learning* ; “... Cara yang sistematik untuk mengukur perubahan tingkahlaku murid”.Ini bermakna apa cara pentaksiran pun berguna untuk mengukur perubahan tingkahlaku. Bezanya sistem pentaksiran yang lama lebih menjurus kepada markah tetapi tidak dalam PBS KSSR. Menurut D. Stufflebeam ; *Educational Evaluation and Decision Making* ; “... proses menentukan, mendapat dan memberikan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan dan tindakan susulan”. Kajian ini perlu kerana sistem PBS ini memberi cabaran yang besar kepada guru kerana nilai integriti guru diragui dan agak sukar untuk kerap melakukan pemantauan, pementoran, pengesanan, dan penyelarasan.

Malah kajian ini memberi maklumat yang sangat berguna kepada pembuat polisi. Dalam konteks kajian ini, pembuat dasar ialah Kementerian Pelajaran Malaysia yang dirangka oleh Bahagian Pembinaan Kurikulum. Dengan adanya kajian ini ianya membekalkan maklumat kepada pihak terbabit dan menjadi penunjuk sama ada KSSR yang dilaksanakan masa kini berjaya atau tidak atau juga mereka dapat memastikan kurikulum ini relevan dengan keperluan masyarakat kini sama ada mampu atau tidak melahirkan modal insan yang berkeترampilan.

Bukan sahaja kajian ini berguna kepada pembuat dasar tetapi juga berguna kepada guru. Dengan adanya kajian ini guru dapat mengetahui sama ada proses menyampaikan maklumat kepada murid dapat disampaikan dengan jayanya atau tidak dan menjadi petunjuk prestasi sama ada guru benar – benar berintegriti atau

sebaliknya, bersedia atau tidak ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Murid adalah individu yang menerima segala input yang diberi oleh guru. Munculnya kajian ini murid kini akan lebih memahami kepentingan ilmu yang disampaikan kepada mereka. Melalui standard kandungan pernyataan spesifik mengenai perkara yang patut diketahui dan boleh dilakukannya lebih jelas untuk mereka. Malah, murid – murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat yang mempunyai keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri yang berbeza – beza bagi setiap individu.

1.6 Rasional Kajian

Tajuk ini dipilih kerana isu PBS adalah satu isu yang baru dalam dunia pendidikan kita terutamanya di sekolah rendah. Apatah lagi pelaksanaannya agak menimbulkan kontroversi dan usaha dalam melaksanakannya menimbulkan banyak cabaran dan ketulusan guru dalam melaksanakannya agak diragui.

Tajuk ini penting kepada saya dan kerjaya saya pada masa-masa akan datang. Ia akan menyingkapkan tahap kesedaran dan nilai integriti dalam diri saya supaya dapat bekerja dengan lebih baik sesuai dengan nilai-nilai integriti penjawat awam dan sebagai seorang islam dan juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran dalam kalangan guru – guru yang lain.

Oleh kerana kajian integriti ini dibuat dalam konteks staf di Malaysia, nilai-nilai murni tersebut adalah nilai-nilai murni yang dikongsikan bersama oleh rakyat Malaysia. Nilai tersebut adalah nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia kerana kakitangan perkhidmatan awam adalah cermin dan tauladan kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam konteks kerjaya. Nilai-nilai ini dikongsikan bersama di

dalam pelbagai kempen dan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan serta diwartakan melalui perantaraan media massa dan program-program khusus di seluruh Negara.

Nilai dan etika perkhidmatan awam terkandung dalam Tonggak Dua Belas iaitu, menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, kemuliaan kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, peningkatan bakat dan nikmat mencipta (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994).

Tonggak Dua Belas berasaskan tujuh teras etika perkhidmatan awam iaitu: berazam meningkatkan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, bekerja dengan penuh muhibbah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membentasi kelemahan serta musuh negara dan berpegang teguh kepada ajaran agama (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994).

Permasalahan ini jika tidak dikaji akan menjadikan perancangan dan lonjakan dalam pendidikan ini menjadi sesuatu yang sia-sia dan hanya sekadar membazirkan peruntukan kewangan yang telah diberi kerana ianya dijalankan sambalewa sahaja.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian tertumpu kepada empat buah sekolah dengan mengambil dua buah Sekolah Kebangsaan ..dan dua buah lagi Sekolah Kebangsaan Cina. Sekolah – sekolah tersebut dilabelkan sebagai SK A, SK B, SJKC A dan SJKC B. Pemilihan subjek kajian dan sekolah kajian dilakukan secara rawak. Sampel guru

terdiri daripada pelbagai bangsa tetapi majoritinya adalah guru melayu. Seramai lebih kurang 60 orang guru terlibat dalam kajian ini iaitu 30 orang guru dari Sekolah Kebangsaan dan 30 orang guru dari sekolah Jenis Kebangsaan Cina manakala 10 orang terlibat dalam kajian rintis.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan beberapa istilah yang akan menjelaskan sesuatu perkara yang dibincangkan dan berkaitan.

1.8.1 Pengkaji

Pengkaji ialah individu yang menjalankan penyelidikan dalam usaha mengumpulkan maklumat yang berlaku daripada kehidupan seharian dan isu – isu semasa yang timbul sama ada dalam konteks kebangsaan atau antarabangsa. Pengkaji boleh jadi seorang individu atau sekumpulan individu tetapi pengkajian ini, pengkaji terdiri daripada seorang individu sahaja.

1.8.2 Responden

Responden adalah orang yang memberikan maklumat dengan menjawab soalan – soalan yang dikemukakan dalam sesuatu kegiatan soal selidik. Dalam kajian ini responden merujuk individu, subjek atau pun orang perseorangan yang bertindak menyalurkan data yang diminta oleh pihak pengkaji di mana data yang diberikan kepada beberapa bahagian.

Responden boleh jadi seorang atau juga bergantung kepada data yang disediakan oleh pihak pengkaji sama ada dapatan yang ingin diperolehi dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif.

1.8.3 Integriti

Integriti ialah satu bentuk pernyataan tingkah laku individu yang agak kompleks dan sukar untuk dihuraikan. Tetapi integriti menentukan jati diri seseorang dalam melaksanakan tugas dan amanah yang digalas. Nilai integriti ini sepatutnya ada pada setiap diri insan guru dalam usaha mendidik murid untuk persediaan mereka pada masa hadapan dan dalam masa yang sama nilai integriti mampu meningkatkan nilai profesion keguruan dan juga dapat mengawal tingkah laku warga pendidikan agar lebih baik, mulia demi untuk Negara dan bangsa.

1.8.4 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) . PBS yang dilaksanakan pada masa kini adalah untuk mentaksir bidang akademik dan bukan akademik.

Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh para guru di sekolah dan ia boleh jadi kerja rumah, projek, kuiz, soal jawab dan lain-lain lagi. PBS yang mula dilaksanakan pada 2011 adalah penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan sebelum ini. Ianya dilaksanakan melalui penunjuk standard atau band

1.8.5 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai usaha menyusun dan menambah baik kurikulum yang sedia ada iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bagi memastikan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan sesuai dengan zaman mereka dalam menghadapi cabaran abad ke – 21.

KSSR digubal dalam pernyataan standard kandungan dan pembelajaran yang tersendiri dan perlu dicapai oleh murid pada satu-satu tahap. Standard Kandungan ialah pernyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai, manakala Standard Pembelajaran ialah penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

1.8.6 Guru

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) “guru” ertinya seseorang yang mengajar murid di sesuatu institusi Pendidikan atau menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan di, bagi atau melalui pusat pendidikan jarak jauh, dan termasuklah guru besar atau pengetua .

Guru ialah individu yang kerjanya mengajar atau mendidik individu lain dalam konsep menyampaikan ilmu. Selagi seseorang individu dipertanggungjawabkan mengajar, menyampaikan ilmu atau yang seumpamanya sama ada di ceruk mana pun beliau berada maka individu itu tetap dipanggil guru. Jika satu masa dahulu guru adalah merujuk guru agama yang mengajar mengaji al-Quran atau ilmu agama yang lain seperti munakahat, muamalat dan seumpamanya.

Seiring dengan peredaran masa panggilan itu lebih meluas dan cabang guru itu juga semakin luas dan terdapat perbagai jenis guru seperti guru muzik, guru agama, guru yang mengajar pelbagai mata pelajaran di sekolah dan sebagainya.

1.8.7. Sekolah Kebangsaan

Sekolah Kebangsaan (SK) adalah sekolah rendah atau juga sekolah rendah bantuan kerajaan. SK menyediakan pendidikan rendah untuk kanak – kanak dan bahasa Kebangsaan adalah bahasa pengantar utama namun mata pelajaran bahasa lain turut dipelajari seperti Bahasa Inggeris dan menjadi mata pelajaran wajib dan boleh jadi bahasa Cina atau Tamil diajar jika bilangan murid melebihi 8 hingga 15 orang dan bergantung kepada permintaan.

1.8.8 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Sekolah Jenis Kebangsaan ialah sekolah yang menerima bantuan kerajaan. Dalam konteks kajian ini sekolah yang dimaksudkan ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Sekolah jenis ini menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid kategori kanak - kanak dan menggunakan bahasa Cina dan bahasa Kebangsaan sebagai pengantar utama.

1.9 Kesimpulan

Pelaksanaan PBS KSSR atau KSSM adalah sesuatu yang wajib dilaksanakan. Ini bermakna adalah menjadi tanggungjawab guru samada atau tidak melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ia adalah satu system yang memberi fokus kepada pembangunan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Misi Nasional dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan amat memerlukan pentaksiran kapasiti insan yang

bersifat holistik. Apa yang dimaksudkan perkembangan individu secara holistik. Dalam perkembangan individu secara holistik yang melihat dari segi JERIS (jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial). Ia meliputi hal yang luas seperti hidup bermasyarakat dan tahap kesihatan dan kecergasan yang tinggi.

Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah (kerja rumah, projek, kuiz soal-jawab dan lain-lain). PBS yang dicadangkan ini merupakan, penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksana dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan aplikasi Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) untuk membantu guru merekod pencapaian murid secara berterusan.

Pelaksanaan PBS perlu dilaksanakan pada masa ini kerana ia adalah seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia. PBS dilaksanakan mulai Tahun 1 pada 2011 dan penambahbaikan UPSR pada 2016, mulai Tingkatan 1 pada 2012 dan penambahbaikan PMR pada 2014.

Nilai integriti dibangunkan dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Dengan adanya nilai integriti membolehkan kerajaan merancang pelbagai program secara teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat. Dengan adanya nilai integrity yang baik dalam diri mana-mana individu khususnya guru dan seterusnya menerapkan kepada murid sekaligus masyarakat pada masa akan datang. Tetapi sejauh mana ia berjaya bergantung kepada pelaksanaannya. Secantik mana pun perancangan tidak akan berjaya jika pelaksana iaitu guru tidak melaksanakan dengan berintegriti. Kejayaan Kurikulum yang baru ini dan murid yang ada masa kini sangat bergantung harap kepada guru khususnya.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Menyentuh tentang integriti ia adalah perihal sifat kesantunan individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana. Pendidikan adalah sebahagian institusi sosiobudaya. Perlu kita fahami integriti sebahagian usaha pembinaan modal insan.

Dalam memartabatkan Profesion Keguruan, integriti merupakan dorongan dalaman supaya guru melaksanakan amanah mendidik anak bangsa sebaik-baiknya serta berusaha meningkatkan keupayaan diri dan ia wajar menjadi pegangan semua guru agar mencapai kecemerlangan dan bukan sekadar menjadi guru tangkap muat.

Di mata masyarakat tugas guru sentiasa dipandang mulia namun agak sukar mengalas tugas berat ini di mana nilai integriti sebahagiannya perlu selalu diamalkan dan menjadi teras hidup seorang yang bergelar guru. Integriti ini sebahagian daripa etika profesion perguruan. Etika bermaksud tingkah laku manusia. Etika juga boleh ditakrifkan sebagai moral dan akhlak. Etika perguruan berkaitan dengan tingkah laku, adat dan cara hidup serta aspek-aspek niat kecenderungan seseorang guru dalam melakukan sesuatu aktiviti.

Oleh itu integriti guru sebagai penjawat awam perlulah melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Maka, tanggungjawab seorang pendidik amat berat dalam mendidik pelajar dengan penuh keikhlasan dan kejujuran untuk melahirkan generasi yang berguna untuk masa depan negara, agama dan bangsa. Guru yang berintegriti akan melaksanakan tugasnya dengan amanah dan mempunyai keprihatinan serta penuh kasih sayang kepada pelajar. Dari segi pengajaran dan pembelajaran guru bertanggungjawab dan mempunyai kewajipan untuk memberi yang terbaik kepada pelajar.

Menurut Mohd Izraudin (2004), proses pembangunan diri guru merupakan program berterusan dan bersifat jangka panjang yang terancang dan dilaksanakan secara sistematik. Pembangunan diri guru ini berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan cermin bagi menilai rupa bentuk dan identiti keseluruhan budaya pendidikan Negara dengan bermatlamat untuk melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu, memelihara masyarakat yang bersatu padu, progresif serta berdisiplin.

Integriti merupakan elemen penting kesejahteraan hidup. Menurut kajian Jamiah et.al. (2005) mendapati integriti mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan individu (Widang & Fridlund, 2003), kesejahteraan komuniti dan kesejahteraan organisasi (Ones, D.S. Viswesvaran, C. & Schmidt. F.L., 2003). Integriti membentuk staf yang mempunyai tingkah laku yang baik (Ones et.al., 2003 dan Mikulay & George, 2001). Sebaliknya, kelemahan integriti dan akan menyumbang kepada keruntuhan nilai moral dan kerosakan sesuatu profesion pekerjaan (Hardingham, 2004).

Menurut Syed Hussein al Atas, ahli sosiologi ulung negara kita (yang antara lain menghasilkan *The Myth Of the Lazy Natives* (Mitos Peribumi Malas) dan *Intellectual in Developing Societies, The Sociology of Corruption*. (Siapa Yang Bersalah Dalam Revolusi Mental). Menurutnya integriti ialah luhur akhlak (lawannya, luntur akhlak). Keluhuran (akhlak) harus merangkumi sifat-sifat dan budi pekerti yang jujur, ikhlas, telus, beretika, utuh, tinggi dan mulia.

Jika diperhatikan ternyata apa yang dikatakan luhur akhlak atau integriti dalam masyarakat kita menghadapi sakit yang tenat. Di pelbagai sektor dan peringkat nilai-nilai dan manifestasi kelunturan (juga kejatuhan) akhlak menonjol di depan mata.

Malah isu ini turut tersebar dalam kalangan guru sehingga adanya berita tentangnya dan disebut dalam *Utusan Malaysia pada 11 April 2012*. Timbalan Perdana Menteri memberi bayangan tentang perlunya nilai integriti disebar kepada pendidik. Kementerian Pelajaran turut mempertimbangkan kemungkinan setiap guru perlu melalui penilaian integriti secara berkala dari semasa ke semasa bagi membolehkan sebarang penambahbaikan dilaksanakan

2.1 Integriti

Menurut Institut Integriti (2004) dalam teras Membina Negara Bangsa, integriti menjadi asas kepada pembentukan masyarakat negara bangsa yang hendak dilahirkan. Masyarakat Bangsa Malaysia yang ingin diwujudkan dalam teras ini adalah sebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara. Melalui teras Membangunkan Modal Insan, hasrat kementerian adalah untuk melahirkan masyarakat yang berpegang kepada sistem nilai, berdisiplin, bersahsiah mulia, berakhlak tinggi dan mempunyai jati diri yang kukuh. Dalam teras Memperkasakan Sekolah Kebangsaan, integriti disentuh dalam konteks amanah kepimpinan sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar bagi mewujudkan sekolah dan persekitaran kondusif kepada setiap warganya.

Integriti boleh difahami sebagai nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang individu atau organisasi dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh (Ab. Rahman Hj. Ismail, 2005). Integriti perlu dilihat sebagai satu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi dalam memikul dan menjalankan sesuatu tugas sama ada pada peringkat individu atau organisasi. Pada peringkat individu, penghayatan konsep integriti bererti seseorang kakitangan perlu menunjukkan keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan, bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang, mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dan melakukan kerja dengan kualiti yang bermutu dan tepat. Sementara di peringkat organisasi, penghayatan integriti perkhidmatan terjelma dalam bentuk perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, proses kerja dan pematuhan terhadap amalan terbaik.

Ke arah pengukuhan integriti dalam penyampaian perkhidmatan awam, pelbagai dasar telah dilaksanakan kerajaan seperti Dasar Etika Perkhidmatan Awam dan Konsep Perkhidmatan Cemerlang; Dasar Bersih, Cekap dan Amanah; Dasar Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam; Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam dan Dasar Tonggak Dua Belas. Dasar-dasar telah dipraktikkan dalam pelbagai program di peringkat organisasi seperti penggunaan tanda nama, piagam pelanggan, penggubalan kod etika kerja, manual kerja, fail meja, sistem pejabat terbuka, modul pengurusan integriti, hari bertemu pelanggan, pusingan kerja dan penubuhan pasukan pemantau (Ab. Rahman, 2005; Mazilan et al., 2005; Sulaiman, 2005; Mohd Tap, 2008). Komitmen kerajaan meningkatkan integriti dalam penyampaian perkhidmatan awam telah dilakukan dari masa ke semasa menerusi pelbagai cara. Antaranya termasuklah penubuhan Biro Pengaduan Awam (BPA) pada tahun 2000 yang membolehkan orang awam menyalurkan aduan secara terus ke Jabatan Perdana Menteri (BPA, 2010) serta penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004.

Bagi sektor kerajaan, cabaran membentuk dan mengekalkan integriti perkhidmatan yang baik berat untuk dipikul memandangkan saiz organisasi awam dan bilangan kakitangannya yang besar. Berdasarkan perangkaan Pejabat Ketua Setiausaha Negara (2009), terdapat sejumlah 1.2 juta kakitangan awam di seluruh negara. Pada tahun 2008, jumlah penjawat awam dianggarkan bersamaan empat peratus jumlah penduduk negara atau mewakili 10 peratus jumlah gunatnaga negara. Statistik ini bererti bagi setiap 10 pekerja di Malaysia, seorang daripada mereka adalah penjawat awam dan bagi 27 juta penduduk, ia mencerminkan seorang kakitangan awam memberi khidmat untuk sejumlah 27 penduduk (Liew, 2010). Statistik OECD (2009) menunjukkan data yang lebih tinggi apabila melaporkan nisbah penjawat awam berbanding penduduk di Malaysia pada tahun 2008 adalah 4.68 peratus. Nisbah ini juga dilaporkan jauh mengatasi keadaan di beberapa Negara Sedang Membangun (NSM) lain seperti Thailand (2.06 peratus),

Indonesia (1.79 peratus), Korea (1.89 peratus), Filipina (1.81 peratus), Laos (1.24 peratus) dan Kemboja (1.18 peratus).

Usaha gerakan pemantapan integriti secara holistik di Malaysia telah dimulakan pada tahun 2004 dengan pengubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM). Kajian ini melibatkan di antara 7000 hingga 8000 responden daripada pelbagai sektor dalam masyarakat. Hasil dapatan memperakukan tentang perlunya sebuah pelan integriti yang bersifat holistik bagi menangani isu integriti dalam masyarakat dan negara. Hasil daripada dapatan kajian pada 31 Mac 2003 maka pada 5 November 2003 kerajaan telah mengisytiharkan dan menggubal serta melancarkan PIN dan menubuhkan IIM. Selain itu, tanggal 5 November setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Integriti Nasional.

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, guru berintegriti menuntut kita untuk menganalisis atas satu sintesis bagaimana wujudnya pelajar berkualiti apabila pendidik berpegang teguh kepada nilai dan prinsip moral dalam mendidik anak bangsa. Tentulah kita juga untuk melihat salur galur sejarah perguruan negara yang dipajak dan disemai dengan roh integriti.

Keseriusan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan usaha – usaha gerakan pemantapan integriti secara meluas di peringkat Kementerian dapat dilihat melalui penubuhan Unit PIN di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia pada 1 Januari 2007. Melalui unit ini pelbagai program gerakan pemantapan khasnya untuk pendidik dapat dilaksanakan.

Al-Quran dan sunnah turut menggariskan panduan khusus dalam menjadi sempurna. Hal ini patut menjadi pegangan terutamanya guru Islam. Kesempurnaan integriti hanya akan diperolehi apabila kita mencintai pencipta kita dan kemuliaan peribadi akan lahir dengan sendirinya tanpa paksaan.

Profesion perguruan yang dulunya dipandang tinggi kini dipandang rendah oleh sesetengah pihak kerana perbuatan segelintir guru yang tidak berintegriti dan akibatnya sebab nilai setitik rosak susu sebelanga.

Kajian Nor Salmi Binti Ahmad Zabidi dan Lim Hooi Lian dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Mereka telah mengkaji Kesahan Inventori Nilai Integriti Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah. Mengkaji nilai integriti adalah sesuatu yang agak sukar kerana integriti merujuk kepada pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan seterusnya sekolah.

Dalam dunia pendidikan, sekolah rendah merupakan tahap terpenting dalam pendidikan formal seorang kanak-kanak. Pada tahap ini, perkembangan kanak-kanak adalah paling aktif dan menjadi faktor utama untuk kejayaan persekolahan menengah dan seterusnya ke peringkat lebih tinggi (Mohd. Johdi, 2008). Kelemahan akademik ini bukan sahaja mempengaruhi aspek pendidikan individu pelajar itu sendiri malah dikhuatiri ia akan turut memberi kesan terhadap peribadi dan akhlak mereka. Ini berikutan hasil kajian Aminah Ayob, Mokhtar Ismail & Khadijah Zon (2003) yang mendapati bahawa guru sendiri kadang kala boleh menjadikan pelajar hilang disiplin. Maka, sebagai seorang guru yang

berintegriti seharusnya sedar bahawa maruah guru dan profesion perguruan terletak di tangan guru sendiri (Azlina, 2008).

Lantaran itu, peranan guru amat penting dalam memperkasakan wacana pendidikan formal yang bermula dari peringkat sekolah rendah lagi (Mohd Johdi, 2008). Dengan penggembelangan tenaga, personaliti dan ciri-ciri guru cemerlang dan guru dapat menjadi formula mewujudkan guru berkualiti, berintegriti dan efektif. Jika dulu, guru merupakan individu atau kumpulan kecil masyarakat yang amat dihormati. Ramai yang mengakui bahawa dewasanya seseorang itu adalah dimulakan oleh seorang guru biasa. Namun kini, masyarakat lebih mudah menyalahkan para guru apabila hasil didikan tidak menjadi (Sharifah Raudzah, 2008). Fenomena ini membuktikan bahawa guru sekolah rendah perlu dinilai dan dipantau untuk memperkukuhkan jati diri kerana dapatan kajian Hamidah et.al. (2006) mendapati bahawa guru yang berintegriti sahaja yang akan dapat memacu sesebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang menyumbang ke arah pembangunan negara dengan lebih berkesan. Dengan erti kata lain, integriti dalam diri seorang guru amat penting kerana masa hadapan pelajar, malah masa hadapan bangsa dan negara adalah ditentukan oleh corak didikan yang disemai oleh guru-guru hari ini. Negara akan hilang daya saing dan ketinggalan dari kemajuan global sekiranya para guru tidak menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab. Ini selaras dengan matlamat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral, beretika, beriman, bertakwa dan berbudi pekerti luhur.

Dalam PBS banyak elemen adalah ditaksir sendiri oleh guru dan banyak perkara perlu dilaksanakan seperti mengisi penskoran dan eviden perlu disimpan oleh guru lebih kurang enam bulan lamanya. Semua hal ini kelihatan agak rumit dan mengganggu rutin harian seorang guru. Namun, keberkesanannya bergantung kepada ketelusan dan integriti guru.

2.2 Ciri-Ciri Guru Yang Berkesan

Seseorang guru harus mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugasnya. Nilai integriti pada seseorang guru boleh dilihat dan dinilai berdasarkan empat petunjuk berikut iaitu adil, amanah, akauntabiliti dan telus. Professionalisme juga penting dalam diri guru. Profesional berasaskan kemampuan atau kemahiran yang khusus untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan cekap dan teratur serta dapat memperlihatkan kemahiran tertentu dalam bidang profesionnya sendiri. Oleh sebab itu, seseorang yang ingin memasuki bidang profesion keguruan perlu mengikuti latihan khusus untuk mengetahui, memahami, mempraktikkan dan mengaplikasikan ilmu keguruan tersebut apabila berkhidmat di sekolah nanti. Nilai professional boleh dibahagikan kepada empat petunjuknya iaitu beretika, beriltizam, cinta akan ilmu dan sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi kerana profesion keguruan itu sendiri merupakan satu profesion mulia yang sewajarnya diangkat dan disanjung

2.2.1 Guru Berkesan

Guru yang berkesan sentiasa bertindak di atas landasan etika dan tatasusila kerja serta mempunyai keutuhan moral yang tinggi. Selain itu, guru berkesan juga sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hasil pengajaran dan selalu prihatin dengan kehendak murid dan ibu bapa serta berkebolehan menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada seseorang murid. Di samping itu, guru berkesan juga sentiasa cuba melengkapkan diri dengan kemahiran yang sejajar dengan tuntutan semasa. Selain itu, sentiasa menampilkan watak terpuji, berimej, berperibadi mulia, berwawasan

sebagai pendidik unggul pada setiap masa serta berupaya melahirkan situasi ‘guru mengajar murid belajar’ wujud sepanjang tempoh pengajarannya di dalam bilik darjah dan mampu melahirkan pelajar yang mempunyai kekuatan ilmu, berpersonaliti sihat serta serba boleh di samping berupaya membina minda yang sihat.

2.2.2 Guru Dan Keguruan

Seiring dengan peredaran zaman guru hari ini perlu bergerak pantas sepantas perkembangan dan kehendak dunia masa kini terutama di bidang pendidikan selaras perkembangan zaman sains dan teknologi, zaman komputer, zaman ledakan ilmu teknologi maklumat dan zaman langit terbuka. Namun begitu, aspek asas yang terpenting ialah guru-guru perlu memiliki, memahami, menghayati dan mengamalkan nilai, norma dan etika perkhidmatan yang cemerlang. Guru yang mengamalkan etika perkhidmatan cemerlang sudah pasti menjamin organisasi sekolah dan negara mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020. Matlamat pendidikan di Malaysia amat jelas melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan “usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Profesion perguruan bermatlamatkan pembentukan insan dan ihsan manusia yang sempurna agar manusia yang sempurna itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap keesaan yang Maha Pencipta. Menurut perspektif agama, kedudukan seorang guru adalah setaraf dan semulia dengan pemimpin negara dan tugas mendidik ahli masyarakat merupakan satu ibadah yang dituntut. Dari segi konsep profesionalisme adalah satu nilai yang berkait rapat dengan fungsi pekerjaan seseorang. Ia perlu wujud dalam diri seseorang jika matlamat pekerjaan menuju ke arah keberkesanan, produktiviti, kecekapan dan tanggungjawab. Profesionalisme pada asasnya dianggap suatu nilai yang murni jika individu mengamalkan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi, tidak mementingkan diri atau suka memilih pekerjaan. Profesionalisme seseorang guru berkait rapat dengan mutu pendidikan di beberapa segi, seperti sikap dan nilai guru dalam pengajaran umpamanya, akan mempengaruhi minat, sikap dan nilai pelajar. Begitu juga dengan pendekatan yang digunakan turut memberi pengaruh terhadap tingkah laku, tahap penerimaan dan kefahaman pelajar dengan pembelajaran.

Mutu pendidikan juga berkait rapat dengan keberkesanan dalam menggunakan sumber pengajaran secukupnya yang turut mempengaruhi minat, kefahaman, penyertaan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Mutu pendidikan berhubung dengan personaliti guru yang akan menentukan iklim pembelajaran pelajar. Keberkesanan dalam profesion perguruan berkait rapat dengan keupayaan dan usaha guru yang gigih untuk menyempurnakan tanggungjawab terhadap pelajar, sekolah dan masyarakat. Antara tumpuan keberkesanan dalam profesion ini ialah sejauh mana berkesannya penggunaan sumber dan teknologi pengajaran, penggunaan kaedah pengajaran, mewujudkan suasana pembelajaran yang sihat dan berkesan dalam bilik darjah, pengawalan bilik darjah serta keberkesanan menanamkan sikap serta nilai-nilai murni pembelajaran di kalangan pelajar.

2.2.3 Tanggungjawab terhadap Pelajar

Keutamaan terhadap pelajar adalah yang terpenting. Guru tidak harus mengajar semata-mata untuk mendapatkan ganjaran.. Guru perlulah memelihara dan memperbaiki kecekapan ikhtisas melalui pengkajian, lawatan dan menghadiri kursus ikhtisas, persidangan, mesyuarat atau seminar supaya pengajaran mencapai mutu yang setinggi-tingginya dalam menyampaikan tanggungjawabnya kepada pelajar.

2.2.4 Tanggungjawab terhadap Rakan Sejawat dan Profesion Perguruan

Hubungan sesama rakan sejawat atau rakan yang sama profesionnya harus dijaga dalam menjamin keharmonian. Adalah tidak patut melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan kecekapan kami sebagai seorang guru serta sentiasa berusaha dengan sepenuh-penuhnya untuk menunaikan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Beliau juga perlu sentiasa bersedia untuk membantu rakan sejawatan terutamanya mereka yang baru menyertai profesion. Guru juga patut mengawal diri supaya tidak mencemarkan nama baik profesion serta menjadi ahli sesebuah pertubuhan guru.

2.2.5 Tanggungjawab Terhadap Masyarakat Dan Negara

Seseorang guru mestilah mengelakkan diri daripada menyebarkan sesuatu ajaran yang boleh mencemarkan nama baik negara ataupun yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Selain itu, guru juga bertanggungjawab menerapkan dalam diri pelajar nilai-nilai seperti menghormati masyarakat tempat guru berkhidmat dan memenuhi segala tanggungjawab sebagai seorang penduduk negara serta sentiasa berpegang kepada tingkah laku yang sopan yang diterima oleh masyarakat dan menjalani kehidupan seharian dengan baik dan terpuji.

2.2.6 Tanggungjawab terhadap Ibu Bapa

Menghormati ibu bapa merupakan tanggungjawab utama anak-anak. Justeru, guru juga berperanan memberi penekanan dan pendidikan betapa pentingnya seseorang anak menghormati dan sentiasa mendahulukan ibu bapa. Ini juga merupakan antara tanggungjawab terbesar yang perlu digalas oleh seorang guru. Guru juga perlu sentiasa memberi maklumat kepada ibu bapa demi kepentingan anak-anak mereka, dan menggunakan maklumat yang diterima daripada ibu bapa secara teliti dan bijaksana. Di samping itu, guru juga perlu sentiasa mengelakkan diri daripada menggunakan atau dipengaruhi oleh kedudukan sosial dan ekonomi ibu bapa pelajar. Selain itu, para guru juga perlu mengelakkan diri daripada mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan dan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kepercayaan pelajar dan ibu bapa terhadap guru.

2.3 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS ialah bentuk pendidikan masa hadapan yang juga berupa ucapan selamat tinggal kepada orientasi peperiksaan yang telah sekian lama mengundang kritikan bertalu-talu. Anjakan paradigma yang berlaku ini bertepatan dengan pesanan Saidina Umar al-Khatab yang menegaskan supaya reka bentuk pendidikan anak-anak wajib berdasarkan keperluan masa hadapan mereka. Pelaksanaan PBS acuan Malaysia bermakna sistem pendidikan dan pentaksiran sentiasa melangkah ke hadapan, manakala segala kebijaksanaan dan pengalaman zaman-berzaman akan tetap dimanfaatkan dalam persekitaran terkini.

PBS kini menjadi sebahagian daripada strategi pengajaran dan pembelajaran dan ianya bukan lagi tugas tambahan. Pengajaran dan pembelajaran tidak boleh dipisahkan dan ianya tidak boleh dilihat atau diguna secara berasingan atau bersendirian. PBS adalah penilaian yang dilakukan di peringkat sekolah dan mengandungi kerja praktikal, tugas bertulis, ujian dan lain-lain tugas mengikut mata pelajaran. Tujuan utama pentaksiran adalah membantu murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka dan guru – guru memperbaiki pengajaran secara keseluruhan dan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran. PBS mengandungi dua fungsi yang luas iaitu pentaksiran tentang pembelajaran (pentaksiran sumatif) dan pentaksiran untuk pembelajaran (pentaksiran formatif). Menurut Stiggins (2002) kedua-dua jenis pentaksiran memainkan peranan yang penting di sekolah.

Pentaksiran berasaskan sekolah merupakan satu proses pemantauan, penilaian dan pelaksanaan pelan tindakan untuk menangani kelemahan dan kekuatan yang diperhatikan di sesebuah sekolah. Hari ini, pembuat polisi dan para pendidik melihat pentaksiran berasaskan sekolah sebagai pencetus kepada

reformasi pendidikan. Sejak akhir tahun 1990an dan permulaan tahun 2000, pentaksiran berasaskan sekolah dengan perlahan-lahan telah meresap masuk ke dalam bilik darjah di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Chan Yuen Fook (Ph.D) dan Gurnam Kaur Sidhu (Ph. D) dari Fakulti Pendidikan dari Universiti Teknologi MARA dalam *School – Based Assessment Among ESL Teachers In Malaysia Secondary* menunjukkan bahawa kebanyakan responden telah menguasai pengetahuan yang cukup dalam mengendalikan ujian mereka, tetapi satu per tiga daripada responden mengakui bahawa mereka sering mengamalkan kaedah ‘gunting dan tampal’ dan mereka juga risau tentang kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang dibina oleh mereka. Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat masalah-masalah dalam pentaksiran berasaskan sekolah yang perlu ditangani dengan segera. Kajian juga menunjukkan bahawa kerjasama erat dan sokongan penuh daripada pelbagai pihak adalah amat dialu-alukan demi menjayakan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah.

Kajian Jamaluddin (1997) menunjukkan bahawa guru berpendapat bahawa sistem peperiksaan yang lama sangat menekankan pensijilan dan kurang menekankan pendidikan untuk menghasilkan wargenegara yang baik dari aspek kemanusiaan. Malah ia turut menekankan kandungan pengetahuan berbanding kemahiran praktikal. Responden dalam kajian beliau mencadangkan pentaksiran dilaksanakan secara berterusan dan memberikan penekanan kepada kemahiran dengan tidak menumpukan kepada aspek pengetahuan sahaja.

Syarifah (1994) dalam kajiannya juga mendapati faktor penyebab pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kurang berkesan adalah kerana sistem peperiksaan yang tidak berubah. Dengan itu, Pelaksanaan PBS sedikit sebanyak memberikan dimensi baru kepada sistem yang sebelum ini. Abdul Zubir (2007) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam kalangan guru tingkatan tiga mendapati guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam

melaksanakan pentaksiran. Walau bagaimanapun, kepercayaan tentang kepentingan PBS dan kemahuan mereka dalam melaksanakannya masih rendah. Kajian beliau menunjukkan hampir 50% guru – guru masih belum menerima latihan dan taklimat khusus berhubung dengan PBS.

Dapatan penyelidikan Profesor Madya Dr. Faizah binti Abdul Majid, dari Fakulti Pendidikan UiTM yang diterbitkan dalam *Journal of US-China Education Review, Vol.8, No.10, 2011. ISSN1548-6613* memberikan perspektif asas tentang pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Malaysia dan cabaran yang bakal dihadapi. Menurut beliau, PBS belum sampai ke tahap pelaksanaan penuh (*full swing*). Shanusi Ahmad (LPM) dalam kertas cadangan Ph.D beliau menegaskan bahawa PBS di Malaysia lebih berbentuk gabungan dengan sistem peperiksaan berpusat oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

2.4 Kajian Berkaitan KSSR

Kajian mengenai KSSR masih tidak banyak kerana ia masih diperingkat awal dan masih dalam usaha Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Pada 15 Disember 2010 satu tinjauan telah dilaksanakan oleh lamanwebinfo.com bertajuk Pelaksanaan KSSR, LINUS dan PBS untuk Tahun 1 Bermula 2011 Membebankan Murid dan Guru Tahun 1. Tetapi, tinjauan ini dijalankan hanya 14 hari dan masa yang agak singkat jumlah responden hanya 43 orang sahaja.

Daripada 43 orang itu, 33 orang (77%) bersetuju bahawa pelaksanaan serentak ketiga-tiga program (KSSR, LINUS dan PBS) itu membebankan guru dan

juga murid Tahun 1. Manakala 8 orang (18%) pula tidak bersetuju dengan tajuk tinjauan. 2 orang (5%) lagi memilih tidak pasti. Jadi kesimpulannya, walaupun hanya 43 orang yang berjaya membuat undian dalam tempoh singkat itu, majoriti bersetuju bahawa pelaksanaan program-program tersebut secara serentak membebankan guru dan murid. Mungkin lama-kelamaan mereka akan terbiasa dengan bebanan ini.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berlaku perubahan kepada isi kandungan dan amalan pengajaran. Dilihat KSSR menekankan penguasaan 4 M termasuk kemahiran penakulan dan lain –lain seperti asas ICT pengembangan sosio-emosi, spiritual, fizikal, sikap dan nilai berbanding 3 M dalam KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah)

Berikut ialah surat siaran yang diedar oleh kementerian Pelajaran mengenai kajian pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara dalam talian:

Kajian Pelaksanaan KSSR

Posted by: [Zazalee Ramli](#) in [MAKLUMAN UNIT](#) on 30/09/2012

Tagged in: Untagged

Sektor Pengurusan Akademik

- Kajian Pelaksanaan KSSR Dalam Talian

Semua Pegawai Pelajaran Daerah,
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,
Negeri Perak.

YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KAJIAN PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) DALAM TALIAN

2. Merujuk kepada surat saraan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPI/BPK/00-5/2/73) bertarikh 20 November 2012, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BBK) sedang menjalankan Kajian Pelaksanaan KSSR di sekolah rendah di seluruh negara. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan KSSR dari segi pemahaman pentadbir dan guru serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

TERKINI!

3. Kajian dalam talian ini melibatkan instrumen soal selidik untuk dijawab oleh pentadbir dan semua guru yang mengajar semua mata pelajaran KSSR Tahun 1 dan 2 di setiap sekolah rendah seluruh negara. Terdapat 2 borang soal selidik yang berasingan untuk pentadbir dan guru.

- * Borang soal selidik untuk pentadbir boleh diakses melalui: <http://www.moe.gov.my/bpk/kajian/kssr-pentadbir>
- * Borang soal selidik untuk guru boleh diakses melalui: <http://www.moe.gov.my/bpk/kajian/kssr-guru>

4. Tarikh akhir untuk menjawab soal selidik ini adalah pada 30 Januari 2013

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

b.p. Ketua Sektor Pengurusan Akademik
Jabatan Pelajaran Perak

[Kembali]

2.5 Kesimpulan Sorotan Literatur

Seorang pendidik harus menonjolkan imej yang beretika walau dimana sahaja berada. Agak berat kedengarannya menggalas tanggungjawab seorang guru. Namun alah bias tegal biasa. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dato` Sri Abdullah Ahmad Badawi pernah mengutarakan tentang peribadi unggul rakyat Malaysia. Bila difikir di mana ia perlu bermula selain dari rumah tentulah sekolah dan apabila di sekolah tentulah guru yang menentukan coraknya. Besarnya peranan guru dan tanggungjawab guru dalam melaksanakan dan menjayakan PBS KSSR. Dalam konteks PBS guru diberikan pengiktirafan kuasa autonomi untuk melaksanakan pentaksiran dan gurulah orang yang paling sesuai

mentaksir murid-murid masing dalam masa yang sama guru boleh membantu, memantau dan melaksanakan penambahbaikan. Ini bermakna gurulah segala-galanya dalam PBS KSSR. Berjaya atau gagal seorang murid bergantung kepada nilai integriti seorang guru.

Cabaran untuk PBS memang akan sentiasa ada. Kekurangan dan segala ralat yang berlaku tidak wajar menjadi alasan dan melemahkan PBS yang mula bertapak. Murid, guru, dan masyarakat berhak untuk memberikan sumbangan terbaik untuk masa hadapan bangsa, negara, dan umat dan segala – galanya dimulakan dengan integriti diri seorang insan guru.

BAB 3

METODOLOGI


3.0 Pendahuluan

Dalam menjalankan sesuatu kajian terdapat beberapa metodologi yang perlu diikuti dan digunakan. Bab ini membicarakan tentang metodologi-metodologi yang akan digunakan dalam melakukan dan menjayakan kajian ini. Perkara-perkara yang harus dibincangkan adalah tentang rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan analisis data.

3.1 Reka Bentuk Penyelidikan

Rekabentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian tinjauan soal selidik atau kuantitatif yang mengkaji integriti guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Rendah Luar Bandar Kulaijaya. Istilah " kuantiti " membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti merujuk kepada bilangan yang diskrit yang dinyatakan dengan tepat. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia adalah berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positifis dimana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut, dianalisis dengan ujian statistik. Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

Menurut John W. Cresswell (2008), Kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada peserta, menganalisa nombor-nombor tersebut menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif dan tidak bias.



Rajah 3.1.1 : Prosedur Kajian Yang digunakan Oleh Penyelidik

3.2 Lokasi Penyelidikan

Lokasi kajian dipilih berdasarkan terdapatnya populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian, yang mana dijangka dapat menjawab persoalan kajian tersebut. Kajian dibuat di empat buah sekolah luar Bandar di daerah Kulaijaya.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka populasi ialah penduduk sesebuah negara, negeri, daerah, dan sebagainya atau kumpulan haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu kawasan atau habitat tertentu. Dalam konteks kajian ini populasi merujuk populasi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Bilangan Sekolah Kebangsaan di daerah Kulaijaya ialah sebanyak 34 buah sekolah dan sebanyak 14 buah sekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kulaijaya. Namun kajian ini hanya tertumpu kepada dua buah Sekolah Kebangsaan dan dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang diambil secara rawak mengikut Zon utara daerah Kulaijaya.

3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Semua ahli dalam kelompok yang dikaji dipanggil populasi (Mohd Najib Abd. Ghafar, 1999). Menurut Mohd. Majid Konting (2005) pula, populasi merupakan cerapan ke atas kumpulan individu atau objek. Populasi kajian ini guru – guru yang mengajar KSSR atau guru – guru yang tahu tentang KSSR. Penyelidik hanya memilih untuk menjalankan kajian ke atas beberapa sekolah luar Bandar di daerah Kulaijaya.

Kajian akan mengkaji integriti guru KSSR dalam melaksanakan PBS. Pengkaji akan memungut data guru – guru yang mengajar KSSR di empat buah. Dalam aspek ini yang dikaji ialah tentang integriti guru dalam melaksanakan PBS. Menurut Sekaran (2003) saiz sampel antara 30 hingga 500 adalah mencukupi untuk kajian tinjauan. Jumlah populasi kajian yang dijalankan melibatkan seramai 70 orang dan sampel kajian melibatkan 10 orang sahaja. Jumlah Persampelan kajian dijalankan dengan mengedarkan 10 set soalan soal selidik kepada Sekolah A yang mempunyai 10 orang yang telah diambil untuk tujuan persampelan dan menentukan kesahan soalan soal selidik tidak akan diambil lagi bagi tujuan kajian sebenar.

3.4 Pembahagian Lokasi dan Sampel Kajian

Terdapat beberapa buah sekolah yang terlibat di daerah luar bandar Kulaijaya dan dibahagikan kepada Zon selatan dan Zon Utara. Dalam kajian ini pengkaji menumpukan kepada luar Bandar Zon Utara iaitu:

3.4.1 Jadual Senarai Sekolah Luar Bandar Zon Utara Kulaijaya

Bil	Nama Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Guru
1.	SK. LKTP Bukit Batu	389	29
2.	SK. Ayer Manis	402	29
3.	SK. Polis Kem	1012	63
4.	SK. (F) Bukit Permai	174	17
5.	SK. Murni Jaya	195	15
6.	SK. Sedenak	158	14
7.	SJKC Cina Batu	248	17
8.	SJKC Ayer Bemban	203	16

9.	SJKC Sedenak	183	15
10.	SJKC Sawit	1001	51

Daripada 10 buah sekolah ini 4 buah sekolah dipilih kerana sekolah tersebut adalah berhampiran dengan penyelidik dan mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pengurusan sekolah. 4 buah sekolah yang terpilih dinamakan sekolah A, B, C, dan D.

3.4.2 Jadual Senarai Sekolah Terlibat dan Bilangan Guru.

Bil	Sekolah	Bilangan Guru Terlibat
1.	Sekolah A	17 orang
2.	Sekolah B	13 orang
3.	Sekolah C	17 orang
4.	Sekolah D	13 orang
Jumlah		60 orang

Sampel kajian terdiri beberapa orang guru mata pelajaran daerah luar bandar di Kulajaya. Sampel kajian yang terlibat ialah seramai 60 orang. Jumlah sampel ini dipilih berdasarkan keupayaan, kemudahan dan masa yang terhad. Menurut Sidek (2002), sampel yang kecil adalah bersesuaian dengan kajian yang melibatkan teknik yang kompleks. Sementara Syed Arabi (1992) pula pada dasarnya persampelan merupakan satu usaha bagi seseorang penyelidik untuk memperolehi maklumat daripada sampel yang dapat mewakili kumpulan kajian.

3.5 Instrumentasi

Berikut adalah pecahan soalan dalam soal selidik yang dibuat oleh pengkaji. Pembahagian ini dilakukan agar memudahkan pengumpulan maklumat bagi tujuan analisis data. Ini mencakupi bidang yang ingin dikaji penyelidik iaitu integriti dalam kalangan guru-guru yang melaksanakan PBS KSSR.

3.5.1 Pembahagian Item Soal Selidik

Soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian yang dijalankan ini. Soal selidik digunakan kerana sifatnya yang mudah ditadbir. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau sekala radar (Mohamad Najib, 1999). Soal selidik digunakan untuk mengumpul data tentang nilai integriti seseorang guru dalam penilaian murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B.

3.5.1.1 Pembahagian Item Soal Selidik

BIL	KOMPONEN	SOALAN
1	Bahagian A: Maklumat dan latar belakang reponden	1 - 5
2	Bahagian B: Nilai integriti guru dalam Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) Berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).	1 - 34

3.5.2 Bahagian A

Bahagian A ini merupakan soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Soalan-soalan tersebut terdiri daripada umur responden, jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. Pilihan jawapan adalah menggunakan skala likert dengan cara mengisi tempat kosong dan menandakan (√) pada petak yang disediakan.

3.5.3 Bahagian B

Di dalam soal selidik bahagian B penyelidik menggunakan skala 5 likert untuk soal selidik ini. Skala 5 likert yang diberikan ialah (1), (2), (3), (4), dan (5). Skala ini menerangkan skala dari negatif kepada positif iaitu:

- | | |
|-------------------------|-------|
| 1 = Sangat Tidak Setuju | (STS) |
| 2 = Tidak Setuju | (TS) |
| 3 = Sedikit Setuju | (SS) |
| 4 = Setuju | (S) |
| 5 = Amat Setuju | (AS) |

Soalan bahagian B ini dibina berdasarkan kepada soal selidik `the technology in my life survey` yang telah dikaji oleh Mc Kenzie pada tahun 1999. Soalan dalam soal selidik ini diubah oleh pengkaji untuk disesuaikan dengan kajian yang dijalankan.

3.6 Pengesahan Konstruk

Pengesahan konstruk bagi item – item pada bahagian B soal selidik adalah seperti jadual 3.6.1 di bawah.

Jadual 3.6.1 Pengesahan Konstruk Bagi Soalan Bahagian B Soal Selidik

Konstruk	Nombor Item
1. Pengetahuan tentang KSSR	1. Saya faham dengan jelas tentang apa itu KSSR. 2. Saya tahu tentang cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR 3. Saya faham tentang cara untuk membuat penilaian murid berdasarkan KSSR.
2. Nilai integriti guru	4. Saya dapat menjalankan amanah yang diberikan semasa membuat penilaian murid berdasarkan KSSR. 5. Saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan semasa membuat penilaian murid KSSR. 6. Saya sentiasa ikhlas kepada semua murid semasa memasukkan markah band dalam KSSR. 7. Saya sentiasa berdedikasi terhadap proses penilaian murid dalam pelaksanaan KSSR. 8. Saya suka bersikap tolak ansur / tidak berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid. 9. Saya sangat tekun bekerja dalam membuat penilaian pentaksiran murid KSSR. 10. Saya seorang yang sangat berdisiplin dalam melaksanakan penilaian murid dalam KSSR.

	<p>11. Saya bekerjasama dengan guru lain semasa melaksanakan penilaian murid dalam KSSR.</p> <p>12. Saya mengamalkan sikap berbudi mulia (teliti) dalam membuat setiap penilaian terhadap murid.</p> <p>13. Saya sentiasa bersyukur dengan setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR.</p> <p>14. Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid.</p> <p>15. Saya tidak akan melakukan penipuan dalam menilai prestasi seseorang murid dalam KSSR.</p>
3.Masalah yang dihadapi oleh guru	<p>16. Saya rasa beban kerja guru semakin bertambah pada setiap tahun.</p> <p>17. Saya tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam penilaian murid berdasarkan KSSR.</p> <p>18.Saya merasakan sistem penilaian murid berasaskan KSSR menyukarkan guru.</p> <p>19. Saya merasa bosan setiap kali melaksanakan penilaian murid kerana banyak band yang perlu dibuat.</p> <p>20. Saya merasakan proses penilaian murid sebelum ini adalah lebih baik berbanding semasa KSSR dijalankan.</p> <p>21. Saya rasa system online sangat membebankan guru yang lama dan guru generasi baru.</p> <p>22. Saya tidak berminat dengan cara system online penilaian murid berasaskan KSSR.</p> <p>23. Penerapan nilai integriti sukar dilaksanakan sewaktu penilaian murid dalam KSSR.</p>

	<p>24. Penerapan nilai integriti menyukarkan kerja – kerja penilaian dilakukan.</p> <p>25. Keadaan dan sistem jalur lebar menyukarkan penilaian murid dilakukan tepat pada waktu yang dirancang.</p> <p>26. Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan penilaian murid berdasarkan KSSR.</p> <p>27. Saya berasa tidak selesa dan terbeban dengan penilaian murid berdasarkan KSSR.</p> <p>28. Saya rasa tidak termotivasi dan tidak ikhlas menjalankan penilaian KSSR kerana capaian internet yang lemah.</p>
Usaha untuk meningkatkan integriti guru	<p>29. Saya harus menyertai kursus yang akan diadakan untuk meningkatkan kefahaman tentang cara penilaian pentaksiran KSSR.</p> <p>30. Setiap guru perlu diberi pendedahan tentang integriti dalam bidang profesion perguruan.</p> <p>31. Perlu diadakan kursus dalaman tentang penilaian murid oleh pihak kementerian sekurang – kurangnya setahun sekali.</p> <p>32. Guru perlu diberi kebebasan untuk menilai murid tanpa batasan waktu yang ditetapkan.</p> <p>33. Semua guru perlu menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup.</p> <p>34. Pihak kementerian perlu menjalankan seminar atau kempen kesedaran tentang integriti kepada semua guru.</p>

Soal selidik bahagian A adalah untuk melihat latar belakang responden seperti jantina, jenis sekolah dan jawatan. Manakala bahagian B lebih luas iaitu mengandungi 34 soalan untuk melihat tahap integriti guru.

3.7 Kajian Rintis

Keesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian dirujuk kepada pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia yang mempunyai kemahiran tentang pembentukan instrument kajian. Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan instrument ini, program *Statistical Package for The Social Science* Versi 17 (SPSS for window) digunakan.

Untuk tujuan menguji kebolehpercayaan instrument kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi memastikan keesahan setiap item dalam soal selidik. Kajian rintis ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan LKTP Bukit Batu. Seramai sepuluh orang guru telah terlibat dengan kajian ini.

Penambahbaikan telah dilakukan untuk memastikan soal selidik ini mudah dan menepati kehendak integriti yang difahami guru dan bersesuaian dengan keadaan semasa serta dapat dijawab responden dengan mudah dan tepat.

Hasil daripada kajian rintis, menunjukkan bahawa item – item dalam soal selidik ini dengan nilai alpha 0.80 diterima dan tidak perlu diubah suai. Ini bermakna soal selidik di dalam kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

3.8 Prosedur Pemerolehan Data

Bagi tujuan pemerolehan data ada beberapa proses yang telah dijalankan oleh penyelidik. Pertamanya, penyelidik mendapatkan surat pengesahan untuk menjalankan kajian dari pihak Universiti Teknologi Malaysia. Setelah mendapatkan

surat kebenaran daripada pihak Universiti Teknologi Malaysia penyelidik memohon kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia secara online melalui laman sesawang <http://eras.moe.gov.my/eras/>. Seterusnya memohon kebenaran dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri Johor bagi menjalankan kajian di sekolah – sekolah terpilih dan mendapatkan kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya untuk mendapatkan persetujuan bagi membuat kajian di empat buah sekolah yang dipilih. Apabila selesai semua urusan ini penyelidik menemui pentadbir sekolah untuk mendapatkan kebenaran membuat kajian dan mengedarkan borang soal selidik kepada pihak terlibat bagi menjalankan soal selidik tersebut untuk mendapatkan maklum balas tentang integriti guru PBS KSSR.

3.9 Analisis Data

Data–data yang diperolehi daripada ujian kaji selidik merupakan data mentah yang diperolehi untuk dianalisis bagi melihat penyelidikan yang dijalankan. Menurut Majid (1994), pemprosesan data merupakan merupakan teknik untuk pengumpulan , pengolahan, penganalisan, penyimpanan, dan pengeluaran data. Matlamat pemprosesan data ialah untuk mendapat maklumat yang berguna dan bermakna daripada data. Data–data yang diperolehi dari soal selidik ini dianalisis dan diproses menggunakan program perisian komputer *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS / PC) version 17 for windows* secara manual.

Dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis dengan statistik deskriptif iaitu analisis seperti min, kekerapan dan peratus bagi menentukan hasil kajian agar dapat mencapai objektif kajian. Setelah semua data akan dibuat pentafsiran dan kesimpulan.

3.10 Kaedah Analisis Data

Bil	Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1	Apakah tahap integriti guru Sekolah Kebangsaan	Frekuensi peratus
2	Apakah tahap integriti guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	Min Frekuensi Peratus
3	Apakah masalah yang dihadapi guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.	Min Peratus
4	Apakah usaha meningkatkan integriti dalam kalangan guru	Min Peratus
5	Apakah perbezaan integriti sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	t-test

Analisis data merupakan tatacara, teknik dan kaedah yang digunakan untuk tujuan memahami data dan maklumat, membuat penelitian, meringkas dan membuat analisis bagi memperihalkan berbagai ragam data. Peranan utamanya ialah supaya data yang berbagai macam ini mudah difahami oleh orang ramai.

Analisis Frekuensi ialah satu penyusunan semula data mentah. Ia adalah kiraan kekerapan hasil data bagi setiap nilai dalam set data atau bagi kumpulan tertentu seperti jantina, umur dan sebagainya mengikut kategori berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positifis di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut, dianalisis dengan ujian statistik. Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

Menurut John W.Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada peserta, menganalisa nombor – nombor tersebut menggunakan statistic dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif dan tidak bias.

3.11 Penutup

Secara keseluruhannya bab ini menjelaskan tentang kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian berkaitan nilai integriti seseorang guru dalam penilaian murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Perbincangan dalam bab ini meliputi aspek rekabentuk kajian, sampel, kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis data yang digunakan dalam menjawab setiap persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian.

BAB 4

KEPUTUSAN / DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjawab empat persoalan utama kajian yang berkaitan tahap integriti guru berasaskan KSSR berpandukan jenis sekolah, masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR dan usaha untuk meningkatkan tahap integriti guru dalam proses penilaian murid berdasarkan KSSR. Hasil dapatan yang diperoleh melalui soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 17.0. Hasil dapatan dianalisis dengan statistik deskriptif dengan melihat, min, sisihan piawai, frekuensi, dan independent-group t-test.

4.1 Latar Belakang Responden

Terdapat seramai 60 orang guru yang menjadi responden dan kesemua guru tersebut adalah dari 4 buah sekolah yang berlainan iaitu dua buah Sekolah Kebangsaan dan dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ianya melibatkan 43 orang guru perempuan dan 17 orang guru lelaki dan kesemuanya mempunyai kepelbagaian latar belakang pendidikan bermula dengan sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dan kedoktoran. Mereka yang terlibat juga terdiri dari pelbagai peringkat umur serta jawatan di sekolah. Berikut adalah jadual taburan kekerapan tentang latar belakang responden.

4.1.1 Jadual Taburan kekerapan bagi pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Nilai	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	17	28.3
	Perempuan	43	71.7
Jenis Sekolah	SK	30	50.0
	SJK(C)	30	50.0
Jawatan	Guru Besar	1	1.7
	Guru Penolong Kanan	9	15.0
	Guru Matapelajaran	50	83.3
Pendidikan	Sijil	4	6.7
	Diploma	22	36.7

	Ijazah Sarjana Muda	34	56.7
Pengalaman	1-5 tahun	21	35.0
	6-15 tahun	24	40.0
	Lebih 15 tahun	15	25.0

Berdasarkan Jadual 4.1.1, 43 orang daripada keseluruhan responden adalah guru-guru perempuan, manakala hanya 17 daripada 60 responden adalah guru lelaki. Bagi jenis sekolah, bilangan responden dibahagi sama rata (30-30) kepada Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Hanya seorang guru besar yang mengambil bahagian dalam kajian ini. 9 orang daripada responden terdiri daripada guru-guru penolong kanan, manakala majoriti responden adalah terdiri daripada guru-guru matapelajaran di sekolah yang diwakili, iaitu seramai 50 orang. Bagi taraf pendidikan guru-guru, bilangan teramai diwakili oleh guru-guru berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, iaitu sebanyak 34 orang.

Bagi bilangan guru-guru berkelulusan sijil dan diploma masing-masing adalah 4 orang dan 22 orang. Untuk pengalaman mengajar pula, bilangan guru untuk dua kategori iaitu satu hingga lima tahun dan enam hingga 15 tahun adalah hampir sama. 21 daripada responden mempunyai pengalaman mengajar selama satu hingga lima tahun, manakala 24 orang daripada keseluruhan responden adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman selama enam hingga 15 tahun dalam bidang pendidikan. Selebihnya, 15 orang responden adalah mereka yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 15 tahun.

Seterusnya, dapatan Bahagian B memperlihatkan perolehan data dari SK dan SJKC. Jadual menunjukkan nilai item sepuluh tertinggi dan sepuluh nilai item

terendah masing – masing dalam kategori SK dan SJKC serta perbandingan bagi kedua – dua sekolah.

4.2 Analisis Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Kebangsaan (SK).

Persoalan pertama kajian ini ialah apakah tahap integriti guru SK. Bagi menjawab persoalan ini ujian analisis min telah dilakukan bagi melihat peratus, min, sisihan piawai dan tahap min. No item adalah bermula dari soalan 4 hingga 15 pada soalan soal selidik.

4.2.1 Jadual Tahap Integriti Guru SK

No Item	Item	STS f %	TS f %	SS f %	S f %	AS f %	Min SP	Tahap Min
1.	Saya dapat menjalankan amanah yang diberikan semasa membuat penilaian murid berdasarkan KSSR.	0 0	1 3.3	10 33.3	17 56.7	2 6.7	3.67 .661	Sederhana
2	Saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan semasa membuat penilaian murid KSSR.	0 0	1 3.3	13 43.3	14 46.7	2 6.7	3.57 .679	Sederhana
3	Saya sentiasa ikhlas	0	2	5	19	4	3.83	Sederhana

	kepada semua murid semasa memasukkan markah band dalam KSSR.	0	6.7	16.7	63.3	13.3	.747	
4	Saya sentiasa berdedikasi terhadap proses penilaian murid dalam pelaksanaan KSSR.	0 0	1 3.3	7 23.3	19 63.3	3 10.0	3.80 .664	Sederhana
5	Saya suka bersikap tolak ansur / tidak berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid.	0 0	2 6.7	8 26.7	17 56.7	3 10.0	3.70 .750	Sederhana
6	Saya sangat tekun bekerja dalam membuat penilaian pentaksiran murid KSSR.	0 0	2 6.7	14 46.7	11 36.7	3 10.0	3.50 .777	Sederhana
7	Saya seorang yang sangat berdisiplin dalam melaksanakan penilaian murid dalam KSSR.	0 0	1 3.3	14 46.7	13 43.3	2 6.7	3.53 .681	Sederhana
8	Saya bekerjasama dengan guru lain semasa melaksanakan penilaian murid dalam KSSR	0 0	0 0	4 13.3	21 70.0	5 16.7	4.03 .556	Tinggi

9	Saya mengamalkan sikap berbudi mulia (teliti) dalam membuat setiap penilaian terhadap murid.	0 0	0 0	9 30.0	17 56.7	4 13.3	3.83 .648	Sederhana
10	Saya sentiasa bersyukur dengan setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR	0 0	3 10.0	11 36.7	12 40.0	4 13.3	3.57 .858	Sederhana
11	Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid	0 0	3 10.0	10 33.3	15 50.0	2 6.7	3.53 .776	Sederhana
12	Saya tidak akan melakukan penipuan dalam menilai prestasi seseorang murid dalam KSSR.	0 0	3 10.0	8 26.7	13 43.3	6 20.0	3.73 .907	Sederhana
Min keseluruhan= 3.69								

Tahap integriti guru SK ialah 3.69 bagi min keseluruhan. Item tertinggi ialah “Saya bekerjasama dengan guru lain semasa melaksanakan penilaian murid dalam KSSR” dengan min 4.03. Manakala item yang memperlihatkan min terendah ialah item “Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid” iaitu dengan min 3.53.

4.3 Analisis Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Persoalan kedua kajian ini ialah tahap integriti guru SJKC. Bagi menjawab persoalan ini ujian analisis min telah dilakukan bagi melihat nilai min, sisihan piawai, dan tahap min.

4.3.1 Jadual Tahap Integriti Guru SJKC

No Item	Item	STS f %	TS f %	SS f %	S f %	AS f %	Min SP	Tahap Min
4	Saya dapat menjalankan amanah yang diberikan semasa membuat penilaian murid berdasarkan KSSR.	0 0	1 3.3	6 20.0	16 53.3	7 23.3	3.97 .765	Sederhana
5	Saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan semasa membuat penilaian murid KSSR.	0 0	0 0	5 16.7	19 63.3	6 20.0	4.03 .615	Tinggi
6	Saya sentiasa ikhlas kepada semua murid semasa memasukkan markah band dalam	0 0	2 6.7	2 6.7	23 76.7	3 10.0	3.90 .662	Sederhana

	KSSR.							
7	Saya sentiasa berdedikasi terhadap proses penilaian murid dalam pelaksanaan KSSR.	0 0	0 0	4 13.3	22 73.3	4 13.3	4.00 .525	Tinggi
8	Saya suka bersikap tolak ansur / tidak berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid.	0 0	5 16.7	8 26.7	14 50.0	2 6.7	3.47 .860	Sederhana
9	Saya sangat tekun bekerja dalam membuat penilaian pentaksiran murid KSSR.	1 3.3	9 30.0	17 56.7	2 6.7	1 3.3	3.83 1.23	Sederhana
10	Saya seorang yang sangat berdisiplin dalam melaksanakan penilaian murid dalam KSSR.	0 0	1 3.3	7 23.3	17 56.7	5 16.7	3.87 .730	Sederhana
11	Saya bekerjasama dengan guru lain semasa melaksanakan penilaian murid dalam KSSR	0 0	2 6.7	5 16.7	20 66.7	3 10.0	3.80 .714	Sederhana
12	Saya mengamalkan sikap berbudi mulia (teliti) dalam	0 0	0 0	7 23.3	20 66.7	3 10.0	3.87 .571	Sederhana

	membuat setiap penilaian terhadap murid.							
13	Saya sentiasa bersyukur dengan setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR	0 0	3 10.0	5 16.7	17 56.7	5 16.7	3.70 1.09	Sederhana
14	Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid	0 0	2 6.7	6 20.0	20 66.7	2 6.7	3.73 .691	Sederhana
15	Saya tidak akan melakukan penipuan dalam menilai prestasi seseorang murid dalam KSSR.	0 0	3 10.0	4 13.3	16 53.3	7 23.3	3.90 .885	Sederhana
Min keseluruhan= 3.84								

Hasil dapatan yang ditunjukkan dalam jadual 4.3.1, SJKC memperlihatkan nilai min keseluruhan pada 3.84. Rata – rata tahap min adalah sederhana. Tetapi ada dua item yang menunjukkan min yang tinggi iaitu 4.03 dengan itemnya “Saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan semasa membuat penilaian murid KSSR.” dan “Saya sentiasa berdedikasi terhadap proses penilaian murid dalam pelaksanaan KSSR.” Selain itu, selebihnya memilih pada tahap min sederhana iaitu di antara nilai min 3.70 – 3.97. Manakala item “Saya suka bersikap tolak ansur / tidak

berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid”menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.47.

4.4 Analisa Apakah Tahap Integriti Guru Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Persoalan ketiga kajian ini ialah apakah tahap integriti guru SK dan SJKC. Bagi menjawab persoalan ini ujian analisis min telah dilakukan bagi melihat nilai min, sisihan piawai, dan tahap min

4.4.1 Jadual Perbandingan Tahap Integriti Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Sekolah	Tahap Min Integriti	
SK	3.98	Tinggi
SJKC	4.00	Tinggi

Berdasarkan keputusan yang diperolehi di Jadual min keseluruhan untuk semua item, SJKC mencatatkan keputusan lebih tinggi daripada SK. Min SJKC Cina adalah 4.00, manakala min SK adalah 3.98. Bagi min keseluruhan untuk 10 item yang mencatatkan min tertinggi, SK mencatatkan keputusan lebih tinggi berbanding SJKC. Min keseluruhan untuk 10 item yang mencatatkan min tertinggi bagi SK adalah 4.39, SJKC adalah 4.36. Bagi min keseluruhan untuk 10 item yang mencatatkan min terendah pula, SK mencatatkan keputusan lebih rendah berbanding SJKC. Min keseluruhan untuk 10 item yang mencatatkan min terendah bagi SK adalah 3.55,

manakala SJKC adalah 3.67. Jadual 4.4.2, 4.4.3, 4.4.4 dan 4.4.5 menunjukkan Integriti guru berasaskan sekolah mengikut min tertinggi dan terendah

**4.4.2 Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK)
Berdasarkan 10 Min Tertinggi.**

Bil	Item	STS	TS	SS	S	AS	Min	Tahap Min
		f	f	f	f	f	SP	
		%	%	%	%	%		
1	Saya rasa beban kerja guru semakin bertambah pada setiap tahun. (Soalan nombor 16)	0 0	2 6.6	2 6.7	4 13.3	22 73.3	4.53 0.900	Amat Tinggi
2	Keadaan dan sistem jalur lebar menyukar penilaian murid dilakukan tepat pada waktu yang dirancang. (Soalan nombor 25)	0 0	0 0	0 0	15 50	15 50	4.50 0.509	Amat Tinggi
3	Capaian aplikasi yang lemah menyebabkan guru kurang bermotivasi dan menjadikan guru tidak ikhlas untuk menjayakan PBS. (Soalan nombor 34)	0 0	0 0	3 10	9 30	18 60	4.50 0.682	Amat Tinggi
4	Saya akan menyertai kursus yang akan diadakan untuk meningkatkan	0 0	0 0	1 3.3	17 56.7	12 40.0	4.37 0.556	Tinggi

	kefahaman cara penilaian pentaksiran KSSR. (Soalan nombor 28)							
5	Perlu di adakan kursus dalaman tentang penilaian oleh pihak kementerian sekurang-kurang setahun sekali. (Soalan nombor 30)	0 0	1 3.3	0 0	16 53.3	13 43.3	4.37 0.669	Tinggi
6	Saya tidak berminat dengan cara sistem online penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 22)	0 0	1 3.3	2 6.7	13 43.3	14 46.7	4.33 0.758	Tinggi
7	Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 26)	0 0	0 0	3 10.0	14 46.7	13 43.3	4.33 0.661	Tinggi
8	Saya berasa tidak selesa dan terbeban dengan penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 27)	0 0	0 0	2 6.7	16 53.3	12 40.0	4.33 0.606	Tinggi
9	Setiap guru perlu diberi pendedahan tentang integriti dalam bidang profesion perguruan. (Soalan nombor 29)	0 0	1 3.3	0 0	17 56.7	12 40.0	4.33 0.661	Tinggi

10	Saya merasakan sistem penilaian murid berasaskan KSSR menyukarkan guru. (Soalan nombor 18)	0	0	4	13	13		Tinggi
		0	0	13.3	43.3	43.3	4.30	
							0.702	
Min keseluruhan = 4.39								

Jadual 4.4.2 menunjukkan jadual tahap integriti guru SK dalam penilaian murid berasaskan SK berdasarkan 10 min tertinggi. Menurut jadual tersebut, min tertinggi dicatatkan untuk item yang ke-16, dengan min 4.53 (tahap min amat tinggi). Item yang mencatatkan jumlah min terendah dalam kategori 10 min tertinggi dicatatkan pada item ke-18. Nilai min untuk item ke-18 adalah 4.30, iaitu pada tahap tinggi. Min keseluruhan untuk 10 soalan yang mencatatkan tahap integriti tertinggi bagi SK adalah 4.39.

4.4.3 Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SK) Berdasarkan 10 Min Terendah.

Bil	Item	STS	TS	SS	S	AS	Min	Tahap
		f	f	f	f	f		
		%	%	%	%	%		
1	Saya mempunyai pengalaman yang luas dalam penilaian murid berasaskan KSSR?	1	6	11	11	1	3.17	Sederhana
		3.3	20.0	36.7	36.7	3.3	0.913	

	(Soalan nombor 17)							
2	Saya sangat tekun dan berkerja dengan berkualiti dalam membuat penilaian pentaksiran murid KSSR? (Soalan nombor 9)	0 0	2 6.7	14 46.7	11 36.7	3 10.0	3.50 0.777	Tinggi
3	Saya seorang yang sangat berdisiplin dalam melaksanakan penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 10)	0 0	1 3.3	14 46.7	13 43.3	2 6.7	3.53 0.681	Tinggi
4	Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid. (Soalan nombor 14)	0 0	3 10.0	10 33.3	15 50.0	2 6.7	3.53 0.776	Tinggi
5	Saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan semasa membuat penilaian murid dalam KSSR? (Soalan nombor 5)	0 0	1 3.3	13 43.3	14 46.7	2 6.7	3.57 0.679	Tinggi
6	Saya sentiasa bersyukur dengan	0	3	11	12	4	3.57	Tinggi

	setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR? (Soalan nombor 13)	0	10.0	36.7	40.0	13.3	0.858	
7	Saya faham tentang cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 3)	0 0	2 6.7	11 36.7	14 46.7	3 10.0	3.60 0.770	Tinggi
8	Saya tahu tentang cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 2)	0 0	2 6.7	9 30.0	17 56.7	2 6.7	3.63 0.718	Tinggi
9	Saya dapat menjalankan amanah yang diberikan semasa membuat penilaian murid dalam KSSR? (Soalan nombor 4)	0 0	1 3.3	10 33.3	17 56.7	2 6.7	3.67 0.661	Tinggi
10	Saya suka bersikap tolak ansur/tidak berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid? (Soalan nombor 8)	0 0	2 6.7	8 26.7	17 56.7	3 10.0	3.70 0.750	Tinggi
Min keseluruhan = 3.55								

Jadual 4.4.3 pula menunjukkan jadual integriti guru dalam penilaian murid berasaskan SK berdasarkan 10 min terendah. Menurut jadual ini, min terendah dicatatkan untuk soalan/item yang ke-17, dengan min 3.17 (tahap min sederhana). Soalan/ item yang mencatatkan jumlah min tertinggi dalam kategori 10 min terendah dicatatkan pada item ke-8. Nilai min untuk item ke-8 adalah 3.70, iaitu pada tahap tinggi. Min keseluruhan bagi 10 soalan yang mencatatkan tahap integriti terendah untuk SK adalah 3.55.

4.4.4 Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah SJKC Berdasarkan 10 Min Tertinggi.

Bil	Item	ST S f %	TS f %	SS f %	S f %	AS f %	Min SP	Tahap Min
1	Saya rasa beban kerja guru semakin bertambah pada setiap tahun. (Soalan nombor 16)	0 0	0 0	0 0	3 10	27 90	4.90 0.305	Amat Tinggi
2	Saya rasa sistem online sangat membebankan guru yang lama berbanding guru generasi baru. (Soalan nombor 21)	0 0	0 0	2 6.7	9 30.0	19 63.3	4.57 0.626	Amat Tinggi
3	Saya berasa tidak selesa dan	0	0	1	15	14	4.43	Tinggi

	terbeban dengan penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 27)	0	0	3.3	50.0	46.7	0.568	
4	Saya dapat menjalankan amanah yang diberikan semasa membuat penilaian murid dalam KSSR? (Soalan nombor 18)	0 0	0 0	3 10. 0	12 40.0	15 50.0	4.40 0.675	Tinggi
5	Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 26)	0 0	0 0	4 13. 3	10 33.3	16 53.3	4.40 0.724	Tinggi
6	Saya merasakan proses penilaian murid sebelum ini adalah lebih baik berbanding semasa KSSR dijalankan. (Soalan nombor 20)	0 0	0 0	2 6.7	17 56.7	11 36.7	4.30 0.596	Tinggi
7	Saya tidak berminat dengan cara sistem online penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 22)	0 0	0 0	6 20. 0	11 36.7	13 43.3	4.23 0.774	Tinggi
8	Saya tahu tentang cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 2)	0 0	1 3.3	5 16. 7	18 60.0	6 20.0	4.17 0.718	Tinggi
9	Capaian aplikasi yang lemah menyebabkan guru kurang bermotivasi dan menjadikan guru tidak ikhlas untuk menjayakan PBS. (Soalan	0 0	0 0	5 16. 7	16 53.3	9 30.0	4.13 0.681	Tinggi

	nombor 34)							
10	Semua guru perlu menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup. (Soalan nombor 32)	0 0	0 0	3 10. 0	21 70.0	6 20.0	4.10 0.548	Tinggi
Min keseluruhan = 4.36								

Seterusnya, untuk SJKC, jadual 4.4.4 menunjukkan jadual integriti guru dalam penilaian murid berasaskan SJKC berdasarkan 10 min tertinggi. Menurut jadual 3, min tertinggi dicatatkan untuk item yang ke-16, dengan min 4.90 (tahap min amat tinggi). Soalan/ item yang mencatatkan jumlah min terendah dalam kategori 10 min tertinggi dicatatkan pada item ke-32. Nilai min untuk item ke-32 adalah 4.90, iaitu pada tahap tinggi. Min keseluruhan untuk 10 soalan yang mencatatkan tahap integriti tertinggi bagi SJKC adalah 4.36.

4.4.5 Jadual Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Sekolah (SJKC) Berdasarkan 10 Min Terendah.

Bil	Item	STS	TS	SS	S	AS	Min SP	Tahap Min
		f %	f %	f %	f %	f %		
1	Saya mempunyai pengalaman yang luas	0	5	17	6	2	3.17	Sederhana
		0	16.7	56.7	20.0	6.7	0.791	

	dalam penilaian murid berasaskan KSSR? (Soalan nombor 17)							
2	Saya suka bersikap tolak ansur/tidak berkira dalam setiap penilaian yang dibuat kepada murid? (Soalan nombor 8)	0 0	5 16.7	8 26.7	15 50.0	2 6.7	3.47 0.860	Tinggi
3	Saya sentiasa bersyukur dengan setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR? (Soalan nombor 13)	0 0	3 10.0	5 16.7	17 56.7	5 16.7	3.70 1.088	Tinggi
4	Saya akan menyertai kursus yang akan diadakan untuk meningkatkan kefaahaman cara penilaian pentaksiran KSSR. (Soalan nombor 28)	1 3.3	3 10.0	3 10.0	20 66.7	3 10.0	3.70 0.915	Tinggi
5	Perlu di adakan kursus dalaman tentang penilaian oleh pihak kementerian sekurang-kurang setahun sekali.	0 0	3 10.0	4 13.3	22 73.3	1 3.3	3.70 0.702	Tinggi

	(Soalan nombor 30)							
6	Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid. (Soalan nombor 14)	0 0	2 6.7	6 20.0	20 66.7	2 6.7	3.73 0.691	Tinggi
7	Guru diberi kebebasan untuk menilai murid tanpa batas waktu yang ditetapkan. (Soalan nombor 31)	0 0	3 10.0	5 16.7	18 60.0	4 13.3	3.77 0.817	Tinggi
8	Saya bekerjasama dengan guru lain semasa melaksanakan penilaian murid dalam KSSR? (Soalan nombor 11)	0 0	2 6.7	5 16.7	20 66.7	3 10.0	3.80 0.714	Tinggi
9	Saya sangat tekun dan berkerja dengan berkualiti dalam membuat penilaian pentaksiran murid KSSR? (Soalan nombor 9)	1 3.3	9 30.0	17 56.7	2 6.7	1 3.3	3.83 1.234	Tinggi
10	Penerapan nilai integriti menyukarkan kerja-kerja penilaian dilakukan. (Soalan	0 0	0 0	10 33.3	15 50.0	5 16.7	3.83 0.699	Tinggi

	nombor 24)							
Min keseluruhan = 3.67								

Jadual 4.4.5 pula menunjukkan jadual integriti guru dalam penilaian murid berasaskan SJKC berdasarkan 10 min terendah. Menurut jadual ini, min terendah dicatatkan untuk soalan/item yang ke-17, dengan min 3.17 pada tahap min sederhana. Soalan/ item yang mencatatkan jumlah min tertinggi dalam kategori 10 min terendah dicatatkan pada item ke-24. Nilai min untuk item ke-24 adalah 3.83, iaitu pada tahap tinggi. Min keseluruhan bagi 10 soalan yang mencatatkan tahap integriti terendah untuk SJKC adalah 3.67.

4.5 Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran KSSR di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Persoalan kedua bagi kajian ini ialah apakah masalah yang dihadapi guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR. Bagi menjawab persoalan tersebut, ujian analisis min telah dilakukan bagi melihat nilai min, sisihan piawai dan tahap min. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 4.5.1

4.5.1 Jadual Perbandingan Item Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran KSSR di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Bil	Item	SK			SJKC		
		Min	SP	%	Min	SP	%
1	Saya rasa beban kerja guru semakin bertambah pada setiap tahun.	4.53	.899	48.1	4.9	.305	51.9
2	Saya tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam penilaian murid berasaskan KSSR.	3.167	.912	50	3.16	.791	50
3	Saya merasakan sistem penilaian murid berasaskan KSSR menyukarkan guru.	4.3	.702	49.4	4.40	.674	50.6
4	Saya berasa bosan setiap kali melaksanakan penilaian murid kerana banyak band yang perlu di buat.	4.13	.776	50.4	4.066	.784	49.6
5	Saya merasakan proses penilaian murid sebelum ini adalah lebih baik berbanding semasa KSSR dijalankan.	4.03	1.098	48.4	4.3	.595	51.6
6	Saya rasa sistem online sangat membebankan guru yang lama berbanding guru generasi baru.	4.06	1.142	47.1	4.56	.626	52.9
7	Saya tidak berminat dengan cara sistem online penilaian murid berasaskan KSSR	4.3	.758	50.6	4.23	.773	49.4
8	Penerapan nilai integriti sukar dilaksanakan sewaktu penilaian murid dalam KSSR	4.16	.592	51.2	3.96	.614	48.8

9	Penerapan nilai integriti menyukarkan kerja-kerja penilaian dilakukan.	4.0	.909	51	3.83	.698	48.9
10	Keadaan dan sistem jalur lebar menyukar penilaian murid dilakukan tepat pada waktu yang dirancang.	4.5	.508	51.9	4.6	.791	48.1
11	Saya mengambil masa yang lama untuk menyiapkan penilaian murid berasaskan KSSR.	4.3	.660	49.6	4.40	.723	50.4
12	Saya berasa tidak selesa dan terbeban dengan penilaian murid berasaskan KSSR.	4.3	.606	49.4	4.43	.568	50.6
13	Saya rasa tidak termotivasi dan tidak ihklas menjalankan penilaian KSSR kerana capaian internet yang lemah.	4.36	.556	54.1	3.7	.915	45.9
Jumlah		Min SK			Min SJKC		
		4.16			4.19		

Hasil dapatan 4.5.1 memperlihatkan masalah yang dihadapi dalam kalangan guru di SK dan SJKC. Daripada kedua-dua item itu SK memperlihatkan jumlah min 4.16 dan SJKC pula dengan nilai min 4.19. Ini bermakna masalah yang dihadapi di SJKC adalah lebih sedikit berbanding SK. Item 2 iaitu “Saya tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam penilaian murid berasaskan KSSR” menunjukkan nilai peratus yang seimbang iaitu 50% bagi kedua-dua kategori sekolah. Bagi SK nilai min dan peratus tertinggi iaitu dengan min 4.36 dan 54.1% adalah pada item “Saya rasa tidak termotivasi dan tidak ihklas menjalankan penilaian KSSR kerana capaian internet yang lemah” manakala bagi item terendah SK ialah pada item “Saya rasa sistem online sangat membebankan guru yang lama berbanding guru generasi baru” iaitu nilai minnya 4.06 dan nilai peratusnya 47.1%. Seterusnya, bagi SJKC nilai terendah ialah pada item 13 iaitu ianya adalah nilai tertinggi bagi SK. Min item 13 ialah 3.7 dan 45.9 %. Bagi item tertinggi pula ialah pada item 6 iaitu “Saya rasa

sistem online sangat membebankan guru yang lama berbanding guru generasi baru” iatu dengan nilai min 4.56 dan 52.9%.

4.6 Analisis Usaha Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Guru

4.6.1 Jadual Usaha Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Guru

No Item	Item	STS f %	TS f %	SS f %	S f %	AS f %	Min SP	Tahap Min
29	Saya harus menyertai kursus yang akan diadakan untuk meningkatkan kefahaman tentang cara penilaian pentaksiran KSSR.	0 0	2 3.3	4 6.7	38 63.3	16 26.7	4.13 0.676	Tinggi
30	Setiap guru perlu diberi pendedahan tentang integriti dalam bidang profesion perguruan.	0 0	4 6.7	4 6.7	38 63.3	14 23.3	4.03 0.758	Tinggi
31	Perlu diadakan kursus dalaman tentang penilaian murid oleh pihak kementerian sekurang-kurangnya setahun sekali.	0 0	6 10	6 10	36 60	12 20	3.90 0.838	Sederhana
32	Guru perlu diberi kebebasan untuk menilai	0 0	1 1.7	3 5.0	42 70	14 23.3	4.15 0.577	Tinggi

	murid tanpa batasan waktu yang ditetapkan.							
33	Semua guru perlu menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup.	0 0	2 3.3	5 8.3	39 65	14 23.3	4.08 0.671	Tinggi
34	Pihak kementerian perlu menjalankan seminar atau kempen kesedaran tentang integriti kepada semua guru.	0 0	0 0	8 13.3	25 41.7	27 45.0	4.32 .701	Tinggi
Min keseluruhan= 4.10								

Secara keseluruhannya usaha meningkatkan integriti guru rata-rata tahap min adalah pada tahap tinggi kecuali pada item "Perlu diadakan kursus dalaman tentang penilaian murid oleh pihak kementerian sekurang-kurangnya setahun sekali". Nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.10 .

4.7 Perbezaan Tahap Integriti Guru Di Sekolah Kebangsaan Dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Untuk menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian kedua, iaitu adakah terdapat perbezaan tahap integriti guru di sekolah kebangsaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, ujian independent-group t-test telah dijalankan. Independent-group t-test digunakan sebagai andaian tambahan untuk kumpulan dan kehomogenan

varians (kesamarataan varians). Independent-group t-test adalah ujian yang sesuai digunakan untuk menentukan samaada terdapat perbezaan ketara antara nilai min untuk dua set skor yang berlainan. Independent- group t-test mempunyai dua andaian tambahan, iaitu (Coakes, Sheridan, Ong Clara, 2011):

1. Kebebasan kumpulan: Responden perlu berada dalam satu kumpulan dan kumpulan-kumpulan ini harus tidak berkaitan.
2. Kehomogenan varians: Kumpulan-kumpulan perlu terdiri daripada populasi yang mempunyai varians yang samarata. Untuk menentukan homogeniti varians, SPSS menggunakan ujian Levene bagi kesamarataan varians.

Keputusan independent-group t-test untuk jenis sekolah dan tahap integriti ditunjukkan di dalam 4.7.1 dibawah:

Jadual 4.7.1 Independent-group t-test untuk jenis sekolah dan tahap integriti

Jenis sekolah	t-test untuk kesaksamaan min		
	T	df	Sig.(2-tailed)
Tahap integriti	-.273	58	.786

Dalam kes independent-group t-test, pembolehubah dibezakan antara kumpulan SK dan SJKC apabila membandingkan jenis sekolah dan tahap integriti para guru. Berdasarkan Jadual 4.7.1 , memandangkan ujian Levene jantina mempunyai kebarangkalian yang lebih besar daripada .05 , kita boleh mengandaikan bahawa varians populasi yang agak sama. Oleh itu, kita boleh menggunakan nilai-t , df dan 2-tailed significant untuk varians bagi menentukan sama ada wujud perbezaan jenis sekolah untuk tahap integriti. Nilai Sig. (2-tailed) untuk jantina menunjukkan $p > .05$ dan oleh itu, perbezaan adalah tidak ketara — $t(58) = -.273, p > .05$. Oleh itu,

keputusan di atas menunjukkan bahawa tiada perbezaan tahap integriti yang ketara di antara SK dan SJKC.

4.8 Penutup

Perubahan daripada KBSR ke KSSR memang masih mengelirukan banyak pihak dan memberikan persepsi yang berbeza bagi golongan guru yang melaksanakan. Salah satu elemen penting yang perlu ada bagi seseorang guru itu adalah integriti diri yang menentukan sama ada proses penilaian murid berasaskan KSSR ini dapat dilaksana dengan telus ataupun tidak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kajian telah menerapkan amalan-amalan yang baik dan positif dalam pelaksanaan penilaian murid. Terdapat kekangan-kekangan yang berupaya mengganggu proses penilaian yang dihadapi oleh guru semasa perlaksanaannya. Di bahagian akhir laporan ini, menunjukkan guru mencadangkan agar pihak kementerian mengambil inisiatif untuk menyuburkan kesedaran integriti dalam kalangan guru. Perbincangan setiap dapatan akan dibincangkan dengan lebih jelas pada bab akhir.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian tinjauan yang mengkaji tentang tahap integriti guru dalam melaksanakan PBS KSSR di daerah luar bandar Kulaijaya dan empat buah sekolah telah dipilih dalam melaksanakan kajian ini iaitu dua adalah Sekolah Kebangsaan dan dua lagi adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Pada bab ini akan dibincangkan dapatan hasil daripada kajian yang telah dianalisis pada bab 4 dan seterusnya penyelidik akan membuat rumusan bagi kajian ini. Di akhir kajian ini nanti, penyelidik akan mencadangkan kajian – kajian lanjutan bagi memperluaskan lagi penyelidikan tentang KSSR ini. Ini adalah kerana PBS KSSR adalah satu kurikulum yang baru diperkenalkan diseluruh sekolah rendah di Malaysia sekitar tahun 2011 dan

sehingga akhir 2013 baru berlangsung selama tiga tahun. Mudah-mudahan kajian ini akan dapat mempertingkatkan lagi integriti guru dalam melaksanakan PBS KSSR selaras dengan matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5.1 Perbincangan

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat tahap integriti guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di luar Bandar dalam melaksanakan KSSR. Kajian ini difokuskan kepada guru-guru yang mengajar KSSR tahap satu khususnya kerana pelaksanaan PBS KSSR ini bermula tahun 2011 hingga 2013 masih lagi dijalankan untuk murid-murid tahap 1. Bagi mendapatkan maklumat tentang guru-guru ini, penyelidik telah mengedarkan 60 set soalan soal selidik dan berjaya dikumpulkan semula dengan bantuan rakan – rakan guru dari sekolah yang terlibat dan turut mendapat kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah terbabit serta pihak pembantu – pembantu tadbir yang turut sama mengumpulkan semula set-set soal selidik yang diedarkan. Sebahagian daripada responden sangat berbesar hati menjawab soala-soalan tersebut dan berharap kajian ini akan berjaya menyampaikan sebahagian keluhan mereka terhadap PBS yang masih lagi pada peringkat awal.

Penyelidikan ini dibuat dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Penyelidik telah mendapatkan kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membuat kajian. Seterusnya penyelidik mendapatkan kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Pelajaran Daerah. Pada peringkat sekolah penyelidik telah mendapatkan kebenaran Guru Besar sekolah – sekolah yang terlibat iaitu Guru Besar Sekolah Kebangsaan LKTP Bukit Batu, Sekolah Kebangsaan Felda Bukit Permai, Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Cina Batu, dan Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Sedenak. Semua data yang telah

diperolehi telah dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam perisian statistic deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 17.0 bagi mengira peratus, min, dan sisihan piawaian.

Bagi mengkaji tahap integriti guru di SK dan SJK(C) adakah terdapat persamaan atau perbezaan, para guru diminta memilih soalan dan menjawab dengan ikhlas. Penyelidik turut mengambil kira jenis sekolah, jantina, pengalaman guru, tahap pendidikan dan sebagainya akan menentukan tahap integriti guru.

5.2 Perbincangan Dapatan Bahagian A

Menurut Institut Integriti (2004), Integriti ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu kepada individu dan organisasi. Sebagai penjawat awam, integriti guru bermakna bahawa guru perlu melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan mengikut kepentingan umum. Dalam teras Merapatkan Jurang Pendidikan, integriti merupakan asas kepada kecekapan sistem penyampaian bantuan dan pembelaan terhadap semua golongan masyarakat. Jika hari ini kita melihat murid daripada pelbagai lapisan masyarakat dan jantina begitu juga halnya dengan guru yang mempunyai kepelbagaian kategori. Berdasarkan kepada persoalan kajian melihat perbezaan mengikut bahagian soalan soal selidik bahagian A iaitu dari sudut iaitu jantina, jenis sekolah, jawatan, pendidikan, pengalaman akan menentukan tahap integriti. Hasil data yang diperolehi di dapati kekerapan untuk jantina lelaki adalah sebanyak 28.3% berbanding dengan jantina perempuan 71.7% di mana nilai sisihan piawai adalah 0.454.

Hasil daripada skor min bagi setiap item, merujuk kepada jadual di atas, item 3 menunjukkan responden adalah terdiri daripada guru mata pelajaran iaitu seramai 50 orang responden (83.3%), guru besar 1 orang responden (1.7%) dan guru penolong kanan 9 orang responden (15.0%). Item 4 menunjukkan taraf pendidikan tertinggi untuk para responden di mana terdapat 4 kategori iaitu sijil seramai 4 orang responden (6.7%), diploma seramai 22 orang responden (36.7%), ijazah sarjana muda seramai 34 orang responden (56.7) dan tiada seorang pun responden mempunyai ijazah sarjana atau kedoktoran (0%). Sisihan piawai untuk item 4 ialah .624. Seterusnya untuk item yang ke 5 kebanyakan responden mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun seramai 21 orang responden (35.0%), 6-15 tahun 24 orang responden (40.0%), manakala yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun adalah 15 orang responden (25.0%).

Menurut Dunken dan Biddle (1974), tahap penyampaian pembelajaran sangat bergantung kepada beberapa faktor dan salah satunya daripada faktornya adalah guru iaitu kemampuan guru melaksanakan pembelajaran dan ianya bergantung kepada sifat personaliti guru, kemahiran mengajar dan ciri peribadi guru. Jika dirumus tentang kemahiran mengajar tentunya ia sangat berkait rapat dengan pengalaman mengajar dan tahap pendidikan guru itu sendiri. Ini bermakna semakin tinggi pendidikan semakin bagus pengetahuan guru dan semakin lama mengajar bermakna semakin baik kemahiran guru dan ianya menentukan tingkah laku guru tersebut dan ciri peribadi sedia ada membentuk integriti guru tersebut dan sekaligus terpancar personaliti yang menarik .

5.2.1 Perbandingan bagi Jantina, Jawatan, Taraf Pendidikan dan Pengalaman Mengajar.

Dapatan yang berjaya dikumpulkan memperlihatkan perbandingan bagi jantina, jawatan, taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Hasil dari data yang dikumpulkan menunjukkan bilangan ketidaksamaan bagi pembolehubah jantina, jawatan, taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Tidak dapat dinafikan ianya mempunyai jumlah yang berbeza misalnya bagi jantina kerana bilangan guru perempuan yang lebih ramai dari guru lelaki. Graf di bawah menunjukkan perbandingan dengan lebih jelas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa integriti antara guru lelaki dan guru perempuan bagi SK dan SJKC. Apa yang jelas dari graf ini ialah tahap integriti guru perempuan dari SJKC adalah lebih baik berbanding guru perempuan dari SK iaitu iaitu 25 orang berbanding 18 orang dari guru SK. Secara keseluruhannya integriti dalam kalangan guru perempuan adalah lebih baik iaitu 73.3% berbanding lelaki iaitu 26.7% responden.

Bagi jawatan guru mata pelajaran perempuan melihatkan tahap integriti dan kesungguhan yang lebih baik dengan jumlah 38 responden dan diikuti oleh integriti guru mata pelajaran lelaki iaitu 12 orang dan tahap integrity keseluruhan bagi guru mata pelajaran ialah 83.3% berbanding lain – lain jawatan guru di sekolah.

Seterusnya ialah dapatan tentang jantina. Jumlah guru perempuan adalah melebihi guru lelaki iaitu pada 44 (65.7%) berbanding guru lelaki. Jika dilihat secara keseluruhan jumlah bagi guru yang berkelulusan ijazah sarjana muda adalah lebih ramai berikutan kehendak dan dasar kerajaan dalam sistem pendidikan yang mahukan lebih ramai guru

yang berkelulusan tinggi iaitu seramai 34 (56.7%) responden berbanding lain-lain tahap kelulusan.

Pengalaman mengajar memperlihatkan dapatan yang agak berbeza kerana semakin lama mengajar dilihat guru mempunyai tahap integriti yang makin menurun iaitu 25% secara keseluruhannya. Namun, di antara 6-15 tahun memperlihatkan tahap integriti tertinggi iaitu 24 (40%) responden bagi jumlah keseluruhan lelaki dan perempuan berbanding 21 (35%) responden bagi 1-5 tahun pengalaman mengajar.

5.3 Perbincangan Dapatan Bahagian B

Bahagian B mempunyai sebanyak 34 item di mana responden akan memberi respon berdasarkan pilihan 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (sedikit setuju), 4 (setuju), 5 (amat setuju) untuk memberi nilai dalam penilaian murid berasaskan kurikulum standard sekolah rendah.

Dalam soalan 1 hingga 3 bahagian B ditanya tentang kefahaman dan pengetahuan gurutentang KSSR. Seramai 36 orang (60%) bersetuju dan faham dengan jelas apa itu KSSR. Hanya sedikit yang tidak begitu faham dan jelas tentang apa itu KSSR iaitu seorang (1.7%) sangat tidak setuju dan seorang (1.7%) tidak setuju. Bagi soalan 2 pula 35 (58.3%) orang guru memilih setuju tentang "saya tahu cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR". Manakala bagi soalan 3 iaitu "Saya faham tentang cara untuk membuat penilaian murid berasaskan KSSR". Bagi item ini seramai 3 (5%) orang guru tidak bersetuju, 18 orang (30%) sedikit setuju dan 30 orang (50%) setuju dengan kenyataan item ini.

Kategori ke dua dalam soal selidik ini ialah berkenaan tonggak 12 di mana ianya adalah nilai nilai murni dalam perkhidmatan awam. Ianya disentuh dalam item 4 hingga item 10 dan item 12 hingga item 15. Dalam kategori ini terdapat 2 item di mana terdapat seorang (1.7%) responden yang sangat tidak setuju pada item 9 dan 3 orang (5%) yang sangat tidak setuju pada item 13 iaitu “saya sentiasa bersyukur dengan setiap tugas yang diberikan semasa melaksanakan penilaian KSSR”. Kebanyakan responden memilih untuk pilihan 4 iaitu setuju iaitu 33 (55%) orang. Pada item 12 mempunyai bilangan tidak setuju yang agak ramai iaitu 16 (26.7%) dan mencatatkan bilangan setuju seramai 37 (61.7%) orang. Dalam soalan 14 iaitu “Saya seorang yang mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan penilaian murid” mencatatkan bilangan sedikit setuju yang teramai iaitu 35 (58.3%) orang dan 4 (6.7%) untuk amat setuju. Rata-rata guru memilih jawapan setuju begitu juga dengan soalan 15 iaitu 29 (48.3%) orang dengan soalnya “saya tidak akan melakukan penipuan dalam menilai prestasi seseorang murid dalam KSSR”.

Kategori ketiga ialah latihan ianya merujuk kepada keperluan latihan yang perlu diberi kepada guru untuk membuat penilaian berdasarkan KSSR samada berbentuk kursus atau seminar atau yang seumpamanya. Ianya disentuh dalam item 28 hingga item 30 dan juga item 33. Hanya terdapat seorang (91.7%) responden yang sangat tidak setuju dengan item 28 dan 37 (61.7%) orang bagi setuju serta 15 (25%) orang bagi pilihan amat setuju. Bagi item 29 pula, 2 (3.3%) orang tidak setuju, 4 (6.7%) orang untuk sedikit setuju dan selebihnya ialah setuju dan amat setuju yang melibatkan ramai pilihan guru. Bagi soalan 30 iaitu “perlu di adakan kursus dalaman tentang penilaian oleh pihak kementerian sekurang-kurangnya setahun sekali”, rata – rata memilih untuk pilihan setuju dan amat setuju dan terdapat penambahan untuk tidak setuju dan sedikit setuju iaitu masing – masing 4 (6.7%) orang. Bagi item 33, seramai 5 (8.3%) orang bagi pilihan sedikit setuju. Kekeperluan tertinggi adalah pilihan setuju di mana purata yang memilih pilihan ini ialah 30.7. Manakala yang membuat pilihan sedikit setuju ialah 4.2. purata min bagi kategori ini ialah 4.06.

Seterusnya ialah kategori sistem yang bermakna sistem pendidikan yang dijalankan dan ia merujuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan pada masa kini. Ianya disentuh dalam item 16, item 18, item 19 dan item 27. Bagi kategori ini tiada responden yang memilih pilihan sangat tidak setuju. Kebanyakan responden memilih pilihan sangat setuju dengan purata 30.5 iaitu 50.8% daripada bilangan responden. Purata min bagi kategori ini ialah 4.39

Akses internet adalah kategori yang disentuh seterusnya dan ianya merujuk kepada sistem capaian yang ada dalam penilaian untuk setiap murid dan ianya mendapat rungutan ramai kerana capaian yang lemah sehingga kini. Ianya disentuh dalam item 21, item 22, item 25 dan item 34. Hampir semua responden membuat pilihan amat setuju dengan pernyataan item di atas iaitu purata responden ialah 28.5 iaitu 47.5%, untuk pilihan setuju purata responden ialah 23.25 iaitu 38.75%. Purata min untuk kategori ini ialah 4.34. Item 25 dan 34 iaitu “Keadaan dan sistem jalur lebar menyukar penilaian murid dilakukan tepat pada waktu yang dirancang” dan “Capaian aplikasi yang lemah menyebabkan guru kurang bermotivasi dan menjadikan guru tidak ikhlas untuk menjayakan PBS” masing-masing mencatat pilihan setuju yang agak ramai iaitu 26 (43.3%) reponden bagi item 25 dan 25 (41.7%) responden bagi item 34.

Kategori seterusnya ialah masa. Ianya merujuk masa yang diambil dalam melaksanakan segala band yang perlu diberi kepada setiap murid. Dari segi masa sebenarnya ia bukanlah satu masalah kerana PBS adalah berdasarkan penilaian holistik ini bermakna konsep penilaian itu sangat luas dan tidak terikat pada masa – masa tertentu sahaja. Ianya disentuh dalam item 20, item 23, item 24 dan item 26. Terdapat seorang (1.7%) responden yang membuat pilihan sangat tidak setuju dengan pernyataan item 20. Untuk item 23 dan item 24 kekerapan pilihan tertinggi ialah setuju iaitu 38 (63.3%) responden dan 30 (50%) responden dengan purata responden ialah 34 . Untuk

item 26 responden yang memilih untuk pilihan amat setuju iaitu seramai 29 (48.3%) responden. Purata min untuk kategori ini ialah 4.13.

Seterusnya ialah kategori sendiri guru. Ianya merujuk penilaian ke atas diri sendiri . dalam kategori ini ia menjelaskan tentang apa yang perlu ada dalam diri guru tersebut bukan sekadar menjalankan kerja tanpa membawa nilai-nilai tertentu. Ianya disentuh dalam item 11, item 17, item 31 dan item 32. untuk item 11 seramai 41 (68.3%) responden membuat pilihan setuju. Bagi item 17 ini terdapat 1(1.7%) responden yang membuat pilihan amat tidak setuju dan 28 (46.7%) membuat pilihan sedikit setuju. Untuk item 31 dan 32 responden memilih untuk pilihan setuju dengan purata responden 39 (65.0%) responden. Purata min bagi kategori ini ialah 3.78.

5.4 Perbincangan Persoalan Pertama

Hasil dapatan persoalan satu ialah dengan min 3.69. Seramai 21 orang guru setuju dengan kenyataan mereka mengadakan kerjasama bersama guru yang lain dalam menjalankan penilaian KSSR. Ini bermakna mereka masih baik dan saling tolong - menolong. Kerjasama yang dimaksudkan mungkin berkerjasama dalam penyediaan evidens untuk murid dalam proses PBS. Namun nilai integriti yang lain pada tahap sederhana. Namun nilai yang lain seperti ikhlas, bertanggungjawab, dedikasi , tekun, disiplin dan lainnya masih menjadi amalan tetapi adakalanya masih kurang dipraktikkan.

Jika guru tidak mengamalkan nilai integriti yang seharusnya maka jangan hairan jika satu masa nanti guru akan dinilai secara berkala. Tujuannya adalah sebarang penambahbaikan dapat dilakukan dengan baik. Ibrahim Saad (1996) menyatakan bahawa komitmen guru pada zaman dahulu adalah berbeza dengan zaman sekarang

kerana perubahan keadaan dan sistem nilai sama seperti anggota masyarakat yang lain di mana guru juga menghadapi cabaran dari segi masa. Oleh itu walaupun guru mempunyai pelbagai kerja yang diamanahkan, dengan adanya disiplin dan sikap bertanggungjawab ini, guru-guru tidak kisah untuk melaksanakannya dengan baik.

5.5 Perbincangan Persoalan Kedua

Perbincangan kedua ialah analisis tahap integriti guru yang menjalankan pentaksiran di SJKC. Nilai min keseluruhan bagi SJKC ialah 3.84. Item bagi bertanggungjawab dan dedikasi memperlihatkan min masing – masing pada 4.03 dan 4.00. Lain-lain item adalah pada tahap sederhana. Jika dilihat majoriti guru di SJKC adalah guru berbangsa Cina. Pada item analisis persoalan kedua tumpuan adalah mengenai nilai integriti yang menjadi amalan guru dalam pentaksiran seperti dedikasi, tolak-ansur, tekun, disiplin dan sebagainya. Ianya selari dengan kajian Nor Salmi Binti Ahmad Zabidi dan Lim Hooi Lian dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia menurut mereka nilai integriti sesuatu yang amat sukar kerana ianya melibatkan jalinan nilai-nilai murni secara konsisten dalam setiap tindakan dan perkataan. Ini bermakna penerapan nilai integriti sangat bergantung kepada pegangan asas setiap individu yang diterapkan melalui didikan keluarga dan pengaruh persekitaran.

5.6 Perbincangan Persoalan Ketiga

Hasil dapatan persoalan ketiga ialah melihat perbezaan integriti guru SK dan SJKC dan hasil dapatan memperlihatkan rumusan dan perbandingan tahap integriti guru SK dan SJKC tiada banyak perbezaan tetapi SJKC memperlihatkan nilai min yang lebih tinggi iaitu 4.00 berbanding min SK iaitu 3.98.

Nilai integriti adalah domain kepada pegangan nilai yang patut diamalkan secara telus oleh dalam bidangnya. Nilai professional seorang telah digubal berdasarkan budaya Institut Pendidikan Guru. Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penilaian yang dijalankan di sekolah adalah berstruktur dan tersusun. Penilaian boleh dijalankan dalam bentuk sumatif dan formatif dalam pros pengajaran dan pembelajaran. Dalam penilaian ketelusan amatlah diharapkan dan sememangnya guru – guru perlu mempunyai nilai integriti yang tinggi. Daripada dapatan dapatlah kita katakan walaupun nilai min yang hampir menyamai tetapi penerapan nilai integriti lebih menjadi amalan di SJKC.

Kita mungkin pernah mendengar peribahasa “Guru kencing berdiri murid kencing berlari” dan kita mungkin tidak jelas tentang makna sebenarnya. Pemerhatian masyarakat yang terdahulu dari kita cukup signifikan kerana ia membawa maksud yang mendalam. Peribahasa ini bermaksud jika sesuatu yang buruk menjadi amalan guru maka murid akan menjadikan guru sebagai contoh untuk mereka. Ini bermakna jika amalan integriti tiada pada guru maka begitulah acuan generasi akan datang. Peribahasa ini sesuai dengan kajian Aminah Ayob, Mokhtar Ismail & Khadijah Zon (2003) yang mendapati bahawa guru sendiri kadang kala boleh menjadikan pelajar hilang disiplin. Maka, sebagai seorang guru yang berintegriti seharusnya sedar bahawa maruah guru dan profesion perguruan terletak di tangan guru sendiri (Azlina, 2008).

5.7 Perbincangan Persoalan Keempat

Transformasi pendidikan yang akan dilaksanakan mulai 2010 adalah dengan melaksanakan sistem penilaian pelajar berasaskan sekolah bagi mengatasi sistem

pendidikan sebelum ini yang berorientasikan peperiksaan. Menerusi sistem ini, penilaian pelajar dibuat secara berterusan berdasarkan prestasi. Namun pelaksanaan PBS bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi ianya masih dalam pelaksanaan peringkat awal. Oleh kerana ianya masih terlalu awal maka ramai guru merasakan agak bermasalah dalam melaksanakannya.

Rata-rata guru dari SK dan SJKC menyatakan masalah utama dalam melaksanakan PBS ialah mereka tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakannya dimana ianya mencatat nilai peratus yang seimbang iaitu 50%. Malah mereka turut merasakan beban kerja mereka semakin bertambah dan menjadi bosan dengan jumlah band dan pentaksiran yang banyak untuk dilaksanakan. Masalah capaian internet yang lemah di SK menjadikan para guru tidak termotivasi dan tidak ikhlas dalam melaksanakan tugas dengan nilai min 4.36 dan 54.1% tetapi masalah ini bukan satu masalah yang besar bagi SJKC iaitu dengan nilai min 3.7 dan 45.9%. Untuk melaksanakan sesuatu perubahan mengambil masa yang lama dan sukar begitu juga dengan PBS. Para guru dari SK memperlihatkan kesukaran untuk menerima perubahan dimana nilai min 4.03 dan 48.4% dan mereka merasakan melaksanakan KBSR adalah lebih mudah. Namun, masalah ini bukanlah satu masalah bagi guru dari SJK di mana nilai min bagi item ini ialah 4.3 dan 51.6%. Apabila guru SK lebih selesa dengan KBSR maka mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk melaksanakan pentaksiran dengan min 4.3 dan 49.6% dan dapatan ini rendah sedikit berbanding SJKC iaitu pada min 4.40 dan 50.4%.

Melaksanakan PBS bukan sesuatu yang mudah tetapi sebagai pelaksana dasar guru tidak seharusnya menjadikan kekangan yang timbul sebagai halangan. Dalam hal ini keprihatinan guru penting dalam menyokong segala bentuk perubahan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

5.8 Perbincangan Persoalan Kelima

KPM sentiasa berusaha dalam meningkatkan nilai integriti guru sama ada SK atau SJK. Ini kerana nilai item adalah tinggi. Ini bermakna guru sentiasa bersedia dan berusaha meningkatkan tahap integriti mereka supaya menjadi lebih baik.

Guru memang perlu mengamalkan tahap integriti yang tinggi agar setanding dengan Kanada walau pun tanpa menggunakan lesen perguruan untuk menjadi seorang pendidik dalam profesion perguruan.

Setiap guru hari ini adalah dibekalkan dengan nilai baik dari anutan masing – masing dan juga sistem pendidikan yang lama. Alangkah kasihannya jika anak bangsa yang menentukan kemajuan masa hadapan diasuh dengan nilai yang tidak sewajarnya.

5.9 Rumusan Dapatan

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa tiada perbezaan tahap integriti guru dalam kalangan guru sama ada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan Cina . Ini bermakna guru menerima baik keputusan Kementerian dalam melaksanakan PBS KSSR dan menjalankannya secara berintegriti. Guru mempunyai semangat iltizam dan keyakinan yang tinggi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawanan sesuai dengan Tonggak 12. Hasil kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa:

5.9.1 Guru – guru telah didedahkan tentang PBS

Jika dilihat pada analisis data tidak dapat dinafikan masih ada segelintir guru yang jumud dan tidak berpuashati tentang pelaksanaan PBS KSSR. Namun demikian pendedahan demi pendedahan yang berterusan telah meningkatkan kefahaman guru dan meningkatkan integriti para guru. Walaupun kursus PBS KSSR telah disampaikan oleh guru yang dihantar berkursus tetapi penyebaran yang berterusan meningkatkan sedikit demi sedikit dan berkembang pemahaman terhadap sistem yang baru diperkenalkan ini dan sekaligus apabila para guru memahaminya mereka cenderung untuk melaksanakan secara berintegriti walaupun terdapat pelbagai kekangan lain yang timbul seperti capaian internet yang lemah, system kemasukkan yang tidak boleh diakses dengan baik.

Guru – guru wajar diberikan pendedahan menyeluruh dan berterusan. Namun kursus yang telah diadakan masih dikira cukup baik dari tiada langsung.

5.9.2 Pengisian Intergriti

Profesion perguruan amat mulia dipandang. Mereka bertanggungjawab memimpin dan mendidik masyarakat. Tidak dinafikan, sehingga hari ini, guru telah menyumbang khidmat bakti dalam pembangunan bangsa dan Negara, lebih-lebih lagi dalam membentuk sahsiah pelajar. Justeru, peranan pendidik perlu dalam memperkasa wacana pendidikan untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti dan berguna pada masa akan datang. Ramai yang mengakui bahawa dewasanya seseorang itu adalah dimulakan oleh seorang guru biasa. Namun kini, masyarakat lebih mudah menyalahkan guru.

Hakikatnya bahawa guru yang berintegriti sahaja yang akan dapat memacu sesebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang menyumbang ke arah pembangunan negara dengan lebih berkesan. Tapi kini sering diadakan kursus integriti untuk semua guru bagi mengekalkan tahap integriti guru sejajar dengan kehendak Negara dan agama.

Jawatan, jantina dan pengalaman memainkan peranan dalam menentukan tahap integriti seseorang guru. Dapatan menunjukkan yang guru perempuan lebih berintegriti dan semakin tinggi pendidikan semakin berintegriti.

5.9.3 Pendedahan Sistem Online

Kemahiran menggunakan komputer tidak dinafikan sangat penting sesuai dengan trend masa kini. Bukan sahaja untuk tujuan pembelajaran, penyediaan bahan batu mengajar tetapi juga untuk aplikasi data murid.

Kepentingan guru – guru mengaplikasi sistem teknologi maklumat adalah kerana system penilaian dalam PBS menggunakan system aplikasi terus melalui talian `online`. Di dalam kurikulum baru yang digubal ini, murid – murid akan dinilai pada setiap masa mengikut band – band yang telah ditetapkan. Setiap markah penilaian akan dimasukkan ke dalam sistem talian. Kemahiran mengaplikasi sistem adalah sebahagian kemahiran ICT dan ianya amat diperlukan dan guru – guru hendaklah mahir menggunakan sistem ini.

5.10 Cadangan

Cadangan adalah perlu dalam proses penambahbaikan sistem yang sedia ada. Berikut adalah cadangan kepada pembina polisi, guru, dan sekolah.

5.10.1 Cadangan Kepada Pembina Polisi

Pembina polisi dalam kajian ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selaku pembina polisi maklumat dari segenap ceruk sekolah penting kerana sekolah ialah sumber utama dalam proses menjayakan polisi dan hubungan dua hala yang telus perlu agar segala maklumat dari sekolah mampu diperhalusi dan juga segala maklumat yang ingin disampaikan oleh KPM berlangsung dengan jayanya.

Isu integriti dalam kalangan guru adalah satu nilai yang menjadi perhatian. Adalah amat baik jika setiap sekolah dibekalkan dengan panduan integriti yang perlu dipatuhi. Amat jarang dilihat nilai Tonggak 12 dipamerkan di sekolah – sekolah. Besar harapan jika panduan tersebut dipamerkan dan akhirnya akan menjadi perhatian dan diambil iktibar darinya. Selalu kita lihat panduan ini di pejabat - pejabat kerajaan yang lainnya tetapi masih kurang di sekolah – sekolah.

Pada hari ini semua sekolah telah dilengkapi dengan wifi atau sistem jalur lebar dimana syarikat telekomunikasi yang menguruskannya adalah Yes4G. Oleh yang demikian kebanyakan sekolah dilengkapi dengan 1BestariNet Kementerian Pelajaran Malaysia. Walaupun usaha menambah bilangannya telah giat dilakukan tetapi masih banyak sekolah yang tiada kemudahan ini. Adalah baik jika usaha memperluaskannya dilakukan dengan lebih pantas dan mengikut keperluan semasa yang mendesak. Dalam

maa yang sama pihak rangkaian telekomunikasi perlu lebih bertanggungjawab dengan memastikan integrasi Rangkaian Dalaman Setempat atau LAN sentiasa dapat berfungsi dengan baik ini kerana pihak kontraktor tidak bertanggungjawan jika LAN tidak dapat berfungsi dengan baik dan pemantau lebih ketat perlu oleh KPM terhadap hubungan syarikat telekomunikasi dan kontraktor yang terpilih menguruskannya dan tidak perlu terlalu banyak kerenah birokrasi.

5.10.2 Cadangan Kepada Guru Yang Terlibat Dengan KSSR.

Penilaian Berasaskan Sekolah KSSR adalah sistem yang baru diperkenalkan di Negara kita walau pun telah lama diguna pakai di Negara – Negara yang maju. Namun pelaksanaan dan penerimaannya mengambil masa kerana keadaan masyarakat kita yang berbeza seperti berbilang kaum dan berbilang agama. Namun guru sebagai pelaksana dasar tidak wajar menolaknya dan menentang sistem ini ini kerana tanggungjawab guru memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk menghadapi abad ke 21.

Guru perlu secara peribadi memastikan diri mereka dilengkapi dengan nilai integriti yang sepatutnya memang menjadi amalan apatah lagi guru sebagai organisasi masyarakat yang sentiasa mendapat perhatian ramai. Pengisian agama perlu bagi memantapkan nilai integriti tersebut. Oleh itu guru perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menerapkan nilai murni kepada diri mereka, keluarga mereka dan akhirnya murid – murid di sekolah. Jika guru berintegriti maka tugas melaksanakan dasar kerajaan bukanlah impian semata – mata.

Selain itu guru patut melengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknologi komunikasi kerana ia dilihat semakin penting dan penggunaan mesin, perisian ms-dos atau yang sezaman dengannya adalah tidak lagi relevan dengan masa kini. Oleh itu, tidak wajar jika guru ketinggalan sedangkan kumpulan – kumpulan pekerja yang lain telah lama lebih maju dan lebih baik lagi. Jika tiada pengetahuan wajar guru mencari ilmu dalam melengkapinya bagi membantu anak bangsa agar menjadi masyarakat yang terbilang dan gemilang.

5.10.3 Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Sekolah menjadi tempat untuk guru dan murid berhimpun untuk itu sekolah harus memahami kehendak dan hasrat kerajaan. Sekolah perlu memastikan organisasi pentadbirannya cekap dan tidak lewat dalam menerima maklumat yang ingin disampaikan kepada guru dan murid.

Selain itu sekolah menubuhkan Jawatankuasa kecil dalam mengumpulkan maklumat yang penting berkaitan KSSR dan seterusnya jawatankuasa ini menyalurkan kepada organisasi yang lebih besar seperti Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan NUTP pula menyalurkannya kepada KPM.

5.11 Cadangan Kajian Lanjutan

Setelah kajian dijalankan , beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan bagi meningkatkan tahap integriti para guru yang melaksanakan PBS KSSR. Diantara kajian yang boleh dijalankan ialah :

- 1) Kajian yang lebih spesifik iaitu penilaian integriti mengikut band dalam KSSR akan memberi imapak yang besar dalam perjalanan hidup seorang murid. Kajian mengikut band ini akan dinilai telus oleh semua guru.
- 2) Adanya kajian terhadap integriti guru guru mata pelajaran elektif kerana masyarakat sering terlepas pandang terhadap mata pelajaran elektif kerana ia tiada dalam peperiksaan yang besar seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).
- 3) Ketepatan masa adalah penting bagi seorang guru dan kajian berkaitan masa boleh juga dijalankan mengenai pengurusan masa guru . Kajian juga boleh menjadikan murid sebagai responden dalam menentukan tahap integriti guru dalam pengurusan masa dalam pengajaran dan pembelajaran.
- 4) Kajian terhadap kemahiran guru dalam sistem komunikasi juga boleh dibuat dalam kalangan guru juga boleh dijalankan kerana masih ramai guru yang kurang mahir dan hanya tahu sekadar menggunakan kemudahan untuk `facebook` , `whatsapp` atau yang seumpama dengannya.

5.12 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibuat didapati bahawa kajian telah mencapai objektif utama kajian. Kajian ini berjaya menjawab persoalan – persoalan utama kajian iaitu “Apakah tahap integrity guru yang menjalankan PBS KSSR dari segi jantina, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar “ dan “Adakah terdapat perbezaan tahap integriti guru di sekolah kebangsaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.”.

Secara keseluruhan kajian ini dapat member maklumat yang berguna dan berfaedah kepada guru – guru, penyelidik –penyelidik atau pihak – pihak tertentu yang memerlukan maklumat tentang PBS KSSR.Walau pun guru – guru sebagai pelaksana dasar sentiasa bersedia menerima perubahan kurikulum tetapi pelaksanaanya masih terdapat rungutan sesetengah pihak dan member imapk kepada penyesuaian kepada diri guru dalam menyampaikan ilmu tersebut. Oleh itu usaha untuk memantapkan lagi PBS KSSR adalah langkah yang baik dan dapat membantu para guru lebih memahami dan mendalami hasrat dan matlamat pendidikan Negara sekaligus menjalankan tugas dengan berintegriti.

Bibliografi

Adrian Robert Gostick, (2003).*Dana Telford The Integrity Advantage*. Gibbs Smiths Publisher.

Abd. Rahim, A.R (1995) *Perkembangan Profesional Keguruan dalam Konteks Sekolah*. Paper Presented at the National Seminar of Teacher Education , UTM, Johor, Malaysia at 18 – 19 December 1995.

Abdul Ghani Abdullah Ph.D., Abd Rahman Abd Aziz, Mohammed Zohir Ahmad (2008)

Abdul Rahim Hamdan (2007) . *Pengajian Kurikulum*. Universiti Teknologi Malaysia.Johor.

Abdul Shukor (1998), *Fokus Pengurusan Pendidikan* . Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ab. Rahman Ab. Rashid, Hajah Wan Som Mamat (1995). *Bahasa Melayu Bahasa dalam komunikasi dan proses komunikasi*. Selangor. Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Abdullah Mohd Noor. (1986). *Cabaran Profesionalisme Perguruan*. Seminar Pendidikan Kebangsaan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed, Abd. Ghani Abdullah. (2007). *Guru sebagai pemimpin*. PTS Profesional.

Arends.R.I.(1994). *Learning to Teach*. Third Edition. United States of America: McGraw Hill inc.

Atan Long(1991). *Pedagogi : Kaedah Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.

Alexander . R . (1992). *Policy and Practice in Primary Education*, London : Routledge.

Alexander, R Rose, J and Woodhand. C (1992) .Curriculum Organisation and Classroom Practice in Primary Schools, A Discussion Paper. London : Department Education and Science.

Alimuddin Mohd Dom (2008). Penilaian Baru untuk Murid Sekolah, Berita Harian (Isnin, 15 September 2008)

Atan Long. (1998). *Pedagogi Kaedah Mengajar Am. Petaling Jaya* : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Bahagian Penyelidikan Guru . (2003). *Memperkasa Pendidikan Guru Ke arah Pendidikan Yang Berkualiti* . Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan Penyelidikan . (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010* . Kementerian Pelajaran Malaysia.

Biju Michael, Richard J. Lochrie (2010) . *Integrity: The Core of Leadership*. Tate Publishing.

Chan Yuen Fung (1990) . *Perkembangan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan di Malaysia dalam teknologi Intruksi dan Pendidikan Bestari* . Kuala Lumpur :Sinaran Bros Sdn Bhd.

Coakes, Sheridan J., & Ong Clara. (2011). *SPSS version 18.0 for Windows: Analysis without anguish*. Australia: John Wiley & Sons Australia Ltd.

Crow C.D & Crow L. (1986) . *‘Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan ‘* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dennis AuBuchon (2003) . *Integrity: Do You Have It?*. IUUniverse. Inc.

Dunkin, M. J. & B. J. Biddle. (1974) *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart, and Winston

Esah Sulaiman (2003) *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai, Johor Darul Ta’zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Gregory, R. J. (2007). *Psychological testing: History, principles, and applications*. Pearson/Allyn and Bacon.

Halimah Harun. (2006). *Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih (Interest, Motivation and Teaching Skills of Trainee Teachers)* . Jurnal Pendidikan (UKM).

Ibrahim Saad (1996), *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia 1981.

Institut Tadbiran Awam Negara (1994). *Citrakarya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing

Ismail Sidek (2009). *The understanding and implementation of values educations*. Jurnal Pendidik Dan Pendidikan.13 :86-98.

J. Galen Saylor (1981). *Curriculum Planning for Better Teaching and Learning*. New York. 4th Edition.

Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd.Noah,Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatusaadiah (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. Membentuk Budaya Belajar dalam Organisasi*. PTS Professional Publishing.

Kamus Dewan (1996) . Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Buku Sumber Guru : Kajian Masa Depan*. Kuala Lumpur. Pusat Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia .(2002) .Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran , Kementerian Pelajaran Malaysia . Kuala Lumpur . 1979.

M.Kamal Hassan (2004), *Kepincangan Nilai Dalam Masyarakat Global*. Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mahathir Mohamad , Ucapan Perasmian Kongres Pendidikan Melayu , dalam Laporan Kongres Pendidikan Melayu 1 , pada 1 – 2 September 2001, di PWTC Kuala Lumpur.

Mohd Faisal Mustaffa. (2008). *Integriti dan Autoriti Profesion Guru Tanggungjawab Bersama. mSTAR*

Mohd.Izraudin Ismail (2004). *Cabaran dan harapan dalam pendidikan menghadapi alaf baru*. Bahagian Pendidikan Guru.Kementerian Pendidikan.

Mok Soon Sang (1995), “ *Pendidikan Di Malaysia*”. Edisi ketujuh. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Musak Mantrak . (1995) . *Ke arah Meningkatkan Martabat Pendidikan Abad ke – 21 :Cabaran, hakikat dan harapan*. Prosiding Seminar JKLJAU ke – 9.

Mustafar Ali (2004). *Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara berkesan.Kolokium Pengukuhan Integriti,Institut kefahaman Islam Malaysia . IKIM*.

Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Guru dan Perguruan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Rosila Nik Yaacob (2010). *Pendidikan Kerohanian dan Moral Prasekolah*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Pahrol Mohamad Juoi.(2010).*Mukmin Profesional Celik Mata Hati : 7 Langkah Memperkasa Diri*. Fitrah Perkasa dan Telaga Biru

Omar Mohd Hashim. (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. Open University Press.

Pelan Integriti Organisasi. Kementerian Pelajaran
Malaysia.<http://www.moe.gov.my/bpsm/Pelan%20Integriti%20Organisasi.pdf>

Perkhidmatan Awam, Malaysia: Institut Tadbiran awam Negara.

Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005, Universiti Teknologi Malaysia di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru. 2-3 Februari.

Sharifah Raudzah (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar dan hubungannya dengan personaliti pelajar*. Jurnal Pendidikan,

Verma, J. P. (2013). *Data analysis in management with SPSS software*. Springer.

Wan Mohd Nor Wan Daud.(2003). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapura, Pustaka Nasional

Rahimah Hj Ahmad (1993). *Pendidikan di Malaysia: Perkembangan dan Reformasi Ke Arah Masa Depan* dlm. Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya. "Pendidikan di Malaysia : Arah dan Cabaran." Kuala Lumpur. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran dalam bilik darjah : Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.

Richard J. Stiggins, Judith A. Artel, Jan Chappuis, and Stephen Chappuis, (2004), *Classroom Assessment for Student Learning: Doing it Right -- Using it Well*. Assessment Training Institute, Portland, Oregon.

Mohd. Majid Konting, (1990), *Kaedah penyelidikan pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arabi Idid (Syed.), (1993), *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka

John W. Creswell, (2003), *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, Sage Publications.

Laman Sesawang

Mohamad Johdi Salleh, Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Rafeai Ayudin, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2)(2009): 111 – 124, Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah Kaedah Kerja Kursus Sejarah (School-Based Assessment of History Coursework) dari <http://journalarticle.ukm.my/227/1/1.pdf>

Rohaya Talib (2009), *Bab 1* dari <http://eprints.utm.my/13641/7/RohayaTalib>

Zulhelmi Zulkpli, *Perbandingan bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan/sedang dijalankan di Malaysia bagi subjek Matematik dengan Negara Hong Kong dan Caribbean* dari <http://www.academia.edu>.

Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman, Mohd Izani bin Mohd Zain, *Pengukuhan Nilai Dan Profesionalisme Di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan Di Malaysia* dari <http://e-journal.um.edu.my>.

Malike bin Brahim, “*Yang Menurut Perintah*”—*Nilai Penjawat Awam* dari <http://repo.uum.edu.my>